



SARJANA MUDA KOMUNIKASI

PUSAT PENGAJIAN KOMUNIKASI

▶
SARJANA MUDA KOMUNIKASI

2021/2022

www.usm.my

2021/2022



Mentransformasikan Pendidikan
Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok

Sarjana
Muda
Komunikasi

Sidang Akademik 2021/2022

Wawasan USM

Mentransformasikan Pengajian Pendidikan Tinggi untuk
Kelestarian Hari Esok

Misi USM

USM ialah universiti perintis,
berintensifkan penyelidikan rentas bidang yang
memperkasakan bakat masa hadapan dan mengupayakan
golongan terke bawah demi mentransformasi
kesejahteraan sosioekonomi mereka

Wawasan, Misi dan Objektif Pusat Pengajian Komunikasi

Wawasan

Pusat akademik peneraju dalam bidang media dan komunikasi bagi
memupuk bakat yang menyumbang kepada masyarakat lestari.

Misi

Untuk menyediakan persekitaran kondusif dan intelektual bagi
memupuk bakat yang siap sedia menghadapi masa hadapan dalam
mendepani perubahan keadaan dan keperluan masyarakat.

Objektif

- Membangunkan persekitaran pembelajaran dan penyelidikan dinamik
dengan jaringan akademik dan profesional yang kukuh di peringkat
nasional dan antarabangsa.
- Membangunkan bakat yang berkemahiran pemikiran kritis, berdaya
cipta, berpengetahuan dan berketerampilan sosial dan emosi dalam
mengemudi kehidupan yang kompleks dan alam pekerjaan.
- Memupuk bakat yang terhubung, terlibat dan menyumbang kepada
masyarakat dan industri sepanjang perubahan masa.
- Meneroka sempadan pengetahuan baharu melalui penyelidikan antara
disiplin dan pelbagai disiplin, serta berimpak tinggi.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.0	PENGENALAN	1
1.1	Objektif Pendidikan Program (PEO).....	1
1.2	Hasil Pembelajaran Program (PLO)	1-2
2.0	SISTEM AKADEMIK DAN MAKLUMAT AM	3
2.1	Aktiviti Pendaftaran Kursus	3-9
2.2	Takrifan Unit/Kredit/Kursus	10
2.3	Sistem Peperiksaan	10-16
2.4	Pengecualian Unit	16-19
2.5	Pemindahan Kredit	19-21
2.6	Integriti Akademik	21-26
2.7	Program Mentor USM	26-27
2.8	Rancangan Pertukaran Pelajar	27-28
2.9	Pemilikan Hak Milik Disertasi/Laporan Projek/Tesis dan Harta Intelek Universiti	28
3.0	KEPERLUAN KURSUS UNIVERSITI	29
3.1	Ringkasan Keperluan Kursus Universiti	29
3.2	Komponen Mata Pelajaran Umum (MPU) (10 kredit)	30-39
3.3	Opsyen (1 – 8 kredit)	39-42
4.0	STRUKTUR PROGRAM	43-47
5.0	SENARAI PENAWARAN KURSUS 2021/2022	48
6.0	MAKLUMAT AM PROGRAM	49

**PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN
PUSAT PENGAJIAN KOMUNIKASI**

DEKAN



Nurzali Ismail, Dr.
Tel: 04-653 3603
Emel: dean_com@usm.my

TIMBALAN-TIMBALAN DEKAN



Bahiyah Omar, Prof. Madya Dr.
(Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa)
Tel: 04-653 2631
Emel: bahiyah@usm.my



Juliana Abdul Wahab, Prof. Madya Dr.
*(Penyelidikan, Inovasi dan Libatsama
Industri-Komuniti)*
Tel: 04-653 2458
Emel: julia@usm.my

PENGERUSI RANCANGAN DAN PENYELARAS PROGRAM



Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, Dr.
Pengerusi Rancangan (*Praswawazah*)
Tel: 04-653 4199
Emel: saifudinsaleh@usm.my



Sharifah Nadiyah Syed Mukhiar, Dr.
Pengerusi Rancangan (*Pascasiswazah*)
Tel: 04-653 2641
Emel: nadiyahmukhiar@usm.my



Hasrina Mustafa, Prof. Madya Dr. Hjh.
Penyelaras Program
(Komunikasi Pemasaran Bersepadu)
Tel: 03 – 2681 0091
Emel: hasrina@usm.my

PENOLONG PENDAFTAR KANAN



Hasfizani Hj Ariffin, Dr.
Tel: 04-653 3600
Emel: hasfizani@usm.my

PENOLONG PENDAFTAR



Siti Munirah Abdul Zakariah, Puan
Tel: 04-653 3452
Emel: munirahzakariah@usm.my

STAF AKADEMIK DAN PENTADBIRAN

PENTADBIRAN

SAMB. TELEFON

E-MEL

Dekan

Nurzali Ismail, Dr. 3603 nurzali@usm.my

Timbalan Dekan

(Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa)

Bahiyah Omar, Prof. Madya Dr. 2631 bahiyah@usm.my

Timbalan Dekan

(Penyelidikan, Inovasi dan Libatsama Industri-Komuniti)

Juliana Abdul Wahab, Prof. Madya Dr. 2458 julia@usm.my

PENGERUSI RANCANGAN

Prasiswazah

Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, Dr. 4199 saifudinsaleh@usm.my

Pascasiswazah

Sharifah Nadiah Syed Mukhiar, Dr. 2641 nadiahmukhiar@usm.my

PENYELARAS PROGRAM

KOMUNIKASI PEMASARAN BERSEPADU (IMC)

Hasrina Mustafa, Prof. Madya Dr. Hjh. 03 – 2681 0091 hasrina@usm.my

STAF AKADEMIK

A. BAHAGIAN KEWARTAWANAN

Azman Azwan Azmawati, Prof. Madya Dr.	3392	azwan@usm.my
Bahiyah Omar, Prof. Madya Dr.	2631	bahiyah@usm.my
Chai Ming Hock, Dr.	5080	ming@usm.my
Edmund Ngo Chun Hou, En.	3316	edmund.h@usm.my
Mohamad Saifudin Mohamad Saleh, Dr.	5154	saifudinsaleh@usm.my
Nik Norma Nik Hasan, Dr.	2382	niknorma@usm.my
Rani Ann Balaraman, Dr.	5153	rani_balaraman@usm.my

B. BAHAGIAN KOMUNIKASI PEMUJUKAN

Jamilah Hj. Ahmad, Prof. Dr. Hjh.	3320	jahmad@usm.my
Hasrina Mustafa, Prof. Madya Dr. Hjh.	03 – 2681 0091	hasrina@usm.my
Izzal Asnira Zolkepli, Dr.	2634	izzalasnira@usm.my
Mahadevan Krishnan, Dr.	2636	mahadevan@usm.my
Nur Atikah A Rahman, Dr.	5095	atikarahman@usm.my
Nurzali Ismail, Dr.	3603	nurzali@usm.my
Sharifah Nadiyah Syed Mukhiar, Dr.	2641	nadiyahmukhiar@usm.my
Shuhaida Md. Noor, Prof. Madya Dr.	3404	shuhaida@usm.my
Suriati Saad, Dr	5152	suriatisaad@usm.my

C. BAHAGIAN FILEM & PENYIARAN

Juliana Abdul Wahab, Prof. Madya Dr.	2458	julia@usm.my
Rohani Hashim, Prof. Madya Dr. Hjh.	3319	rohani@usm.my
Mahyuddin Ahmad, Dr.	3455	din_rahman@usm.my
Mohd. Zain Dollah, Tn. Hj.	3408	mdzain@usm.my
Mohamed Nabil Imran, En.	2638	nabilimran@usm.my
Ngo Sheau Shi, Dr	4105	sheaushi@usm.my

STAF PENTADBIRAN

Hasfizani Hj Ariffin, Dr. (<i>Penolong Pendaftar Kanan</i>)	3600	hasfizani@usm.my
Siti Munirah Abdul Zakariah, Puan (<i>Penolong Pendaftar</i>)	3452	munirahzakariah@usm.my
Mohamed Haris Abdul Karim, Encik (<i>Penolong Jurutera</i>)	4142	mohamedharis@usm.my
Mohd Ashraf Zamri, Encik (<i>Penolong Jurutera</i>)	5096	mohdashrafzamri@usm.my
Nor Rizawati Abdul Radzak, Puan (<i>Setiausaha Pejabat - Dekan</i>)	3603	rizawati@usm.my
Azizah Ahmad, Puan (<i>Setiausaha Pejabat – Timbalan Dekan</i>)	4198	azyzah@usm.my
Noor Azlina Yusoff, Puan (<i>Pembantu Tadbir Kanan - P/O</i>)	3602	nay@usm.my

Kayathre Rama Chandran, Puan (<i>Pembantu Tadbir - P/O</i>)	3496	kayathre@usm.my
Nor Diyana Malik, Puan (<i>Pembantu Tadbir - P/O</i>)	3472	nor_diyana@usm.my
Shahirah Zolkifli, Puan (<i>Pembantu Tadbir - P/O</i>)	3472	zshahirah@usm.my
Irene Audrey a/p John Joseph, Puan (<i>Pembantu Tadbir - P/O</i>)	3601	irene_audrey@usm.my
Muhammad Azmawi Barhanudin, Encik (<i>Pembantu Tadbir - P/O</i>)	3472	azmawi@usm.my
Mohd Asyraf Hazmi Abu Mangsor, Encik (<i>Pembantu Tadbir - P/O</i>)	3602	asyrafhazmi@usm.my
Shukor Ismail, Encik (<i>Pemandu Kenderaan</i>)	4144	shukor@usm.my
Muhammad Hafizi Muhammad Zamzuri, Encik (<i>Pembantu Operasi</i>)	2630	mhafizimz@usm.my

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Pusat Pengajian Komunikasi
 Bangunan D13 dan C10
 Universiti Sains Malaysia
 11800 Minden
 Pulau Pinang
 Tel: 04-653 3472 / 04-653 3602
 Fax: 04 – 653 5091 / 04 – 657 7736
 Laman web: <http://communication.usm.my>

KALENDAR AKADEMIK - SIDANG AKADEMIK 2021/2022
BAGI SEMUA RANCANGAN (KECUALI PROGRAM DOKTOR PERUBATAN DAN DOKTOR PERGIGIAN)

Kampus Induk : Pendaftaran Pelajar Baharu (15 - 16 Oktober 2021) / **Minggu Siswa Lestari (18 - 22 Oktober 2021)
Kampus Kejuruteraan : Pendaftaran Pelajar Baharu (16 Oktober 2021) / **Minggu Siswa Lestari (16 - 22 Oktober 2021)
Kampus Kesihatan : Pendaftaran Pelajar Baharu (17 Oktober 2021) / **Minggu Siswa Lestari (17 - 21 Oktober 2021)

SEM	MINGGU	AKTIVITI	TARIKH	CATATAN	
SATU	1	(P&P 8 Minggu)	Isnin, 25.10.2021 - Ahad, 31.10.2021		
	2		Isnin, 01.11.2021 - Ahad, 07.11.2021	04.11.2021, Khamis - Deepavali**	
	3		Isnin, 08.11.2021 - Ahad, 14.11.2021	11 & 12.11.2021, Khamis & Jumaat - Hari Keputeraan Sultan Kelantan (Kelantan)	
	4		Isnin, 15.11.2021 - Ahad, 21.11.2021		
	5		Isnin, 22.11.2021 - Ahad, 28.11.2021		
	6		Isnin, 29.11.2021 - Ahad, 05.12.2021		
	7		Isnin, 06.12.2021 - Ahad, 12.12.2021		
	8		Isnin, 13.12.2021 - Ahad, 19.12.2021		
	9	Cuti Pertengahan Semester	Isnin, 20.12.2021 - Ahad, 26.12.2021	25.12.2021, Sabtu - Hari Krismas	
	10	(P&P 6 Minggu)	Isnin, 27.12.2021 - Ahad, 02.01.2022	01.01.2022, Sabtu - Tahun Baharu 2022	
	11		Isnin, 03.01.2022 - Ahad, 09.01.2022		
	12		Isnin, 10.01.2022 - Ahad, 16.01.2022		
	13		Isnin, 17.01.2022 - Ahad, 23.01.2022	18.01.2022, Selasa - Hari Thaipusam**	
	14		Isnin, 24.01.2022 - Ahad, 30.01.2022		
	15		Isnin, 31.01.2022 - Ahad, 06.02.2022	01 & 02.02.2022, Selasa & Rabu - Tahun Baru Cina**	
	16	Minggu Ulang Kaji	Isnin, 07.02.2022 - Ahad, 13.02.2022		
	17	Peperiksaan (3 Minggu)	Isnin, 14.02.2022 - Ahad, 20.02.2022		
	18		Isnin, 21.02.2022 - Ahad, 27.02.2022		
	19		Isnin, 28.02.2022 - Ahad, 06.03.2022		
	20	Cuti Antara Semester/ Latihan Industri (4 Minggu)	Isnin, 07.03.2022 - Ahad, 13.03.2022	07.03.2022, Isnin - 27.03.2022, Ahad - Kursus Intensif PPJJ	
	21		Isnin, 14.03.2022 - Ahad, 20.03.2022		
	22		Isnin, 21.03.2022 - Ahad, 27.03.2022		
	23		Isnin, 28.03.2022 - Ahad, 03.04.2022	03.04.2022, Ahad - Awal Ramadhan	
DUA	24/1	(P&P - 7 Minggu)	Isnin, 04.04.2022 - Ahad, 10.04.2022		
	25/2		Isnin, 11.04.2022 - Ahad, 17.04.2022		
	26/3		Isnin, 18.04.2022 - Ahad, 24.04.2022	19.04.2022, Selasa - Nuzul Al-Quran	
	27/4		Isnin, 25.04.2022 - Ahad, 01.05.2022	01 & 02.05.2022, Ahad & Isnin - Hari Pekerja	
	28/5		Isnin, 02.05.2022 - Ahad, 08.05.2022	02 & 03.05.2022, Isnin & Selasa - Hari Raya Aidilfitri**	
	29/6		Isnin, 09.05.2022 - Ahad, 15.05.2022	15 & 16.05.2022, Ahad & Isnin - Hari Wesak	
	30/7		Isnin, 16.05.2022 - Ahad, 22.05.2022		
	31/8	Cuti Pertengahan Semester	Isnin, 23.05.2022 - Ahad, 29.05.2022		
	32/9	(P&P - 7 Minggu)	Isnin, 30.05.2022 - Ahad, 05.06.2022	30 & 31.05.2022, Isnin & Selasa - Pesta Kaamatan (Sabah) 01 & 02.06.2022, Rabu & Khamis - Hari Gawai (Sarawak)	
	33/10		Isnin, 06.06.2022 - Ahad, 12.06.2022	06.06.2022, Isnin - Hari Keputeraan YDP Agong	
	34/11		Isnin, 13.06.2022 - Ahad, 19.06.2022		
	35/12		Isnin, 20.06.2022 - Ahad, 26.06.2022		
	36/13		Isnin, 27.06.2022 - Ahad, 03.07.2022		
	37/14		Isnin, 04.07.2022 - Ahad, 10.07.2022	07.07.2022, Khamis - Hari Warisan Penang 09.07.2022, Sabtu - Hari Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang 09 & 10.07.2022, Sabtu & Ahad - Aidiladha**	
	38/15	Isnin, 11.07.2022 - Ahad, 17.07.2022	11.07.2022, Isnin - Aidiladha** (Kelantan)		
	39/16	Minggu Ulang Kaji	Isnin, 18.07.2022 - Ahad, 24.07.2022		
	40/17	***Peperiksaan (2 Minggu)	Isnin, 25.07.2022 - Ahad, 31.07.2022	30.07.2022, Sabtu - Awal Muharram	
41/18	Peperiksaan (3 Minggu)	Isnin, 01.08.2022 - Ahad, 07.08.2022			
42/19		Isnin, 08.08.2022 - Ahad, 14.08.2022			
43/20		Isnin, 15.08.2022 - Ahad, 21.08.2022			
*KSCP / CUTI PANJANG	44/21	Cuti Panjang / Latihan Industri (10/11 Minggu)	Isnin, 22.08.2022 - Ahad, 28.08.2022		
	45/22		Isnin, 29.08.2022 - Ahad, 04.09.2022	31.08.2022, Rabu - Hari Kebangsaan	
	46/23		Isnin, 05.09.2022 - Ahad, 11.09.2022		
	47/24		*P&P	Isnin, 12.09.2022 - Ahad, 18.09.2022	16.09.2022, Jumaat - Hari Malaysia
	48/25		Peperiksaan	Isnin, 19.09.2022 - Ahad, 25.09.2022	
	49/26			Isnin, 26.09.2022 - Ahad, 02.10.2022	
	50/27			Isnin, 03.10.2022 - Ahad, 09.10.2022	08.10.2022, Sabtu - Maulidur Rasul
	51/28		Isnin, 10.10.2022 - Ahad, 16.10.2022		
	52/29		Isnin, 17.10.2022 - Ahad, 23.10.2022	23.10.2022, Ahad - Deepavali**	

**Kalendar Akademik adalah tertakluk kepada pindaan (sekiranya ada)

1.0 PENGENALAN

Program Pengajian Komunikasi di Universiti Sains Malaysia telah mula ditawarkan sejak tahun 1971 di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Pada waktu itu, para graduannya dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera. Pada tahun 1984, Kementerian Pelajaran telah meluluskan penawaran Rancangan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi mulai Sidang Akademik 1984/1985 berdasarkan laporan Lembaga Pengajian Universiti. Selaras dengan perkembangan industri komunikasi, struktur pengajian ini sekali lagi dipinda dan kurikulum baru dilaksanakan pada Sidang Akademik 1994/95. Seterusnya, kurikulum pengajian tiga tahun telah dilaksanakan mulai Sidang Akademik 1996/97, selaras dengan pengumuman Menteri Pendidikan pada masa itu agar semua universiti tempatan menawarkan program pengajian tiga tahun. Semakan semula telah dibuat lagi pada tahun 2009, dan pada 11 Ogos 2011, Jabatan Pengajian Tinggi telah meluluskan program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) pengajian empat tahun mulai Sidang Akademik 2012/2013.

1.1 Objektif Pendidikan Program (PEO)

Objektif Pendidikan Program (PEO) Ijazah Sarjana Muda Komunikasi adalah selaras dengan visi dan misi USM iaitu:

PEO1: Graduan yang berilmu dan kompeten dalam bidang komunikasi.

PEO2: Graduan yang sedia memikul tanggungjawab sosial serta memiliki nilai-nilai etika yang tinggi.

PEO3: Mentransformasikan proses pembelajaran komunikasi bagi menyumbang kepada pembangunan sosial, industri dan negara.

PEO4: Melahirkan graduan yang berkebolehan untuk menerajui industri komunikasi.

1.2 Hasil Pembelajaran Program (PLO)

PLO1: Memiliki pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai ilmu komunikasi.

PLO2: Memiliki kemahiran teknikal untuk menghasilkan produk-produk komunikasi.

PLO3: Berupaya menjalankan penyelidikan, menganalisis dan menilai isu-isu berkaitan dengan bidang komunikasi

- PLO4: Membentangkan idea dengan jelas, kreatif dan relevan.
- PLO5: Bersedia bekerja dalam pasukan, bertanggungjawab dan menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi untuk mencapai objektif organisasi.
- PLO6: Mempraktikkan nilai etika, moral dan profesionalisme dalam amalan komunikasi.
- PLO7: Membangun dan memajukan bidang komunikasi menerusi penyelidikan, perundingan dan pembelajaran sepanjang hayat.
- PLO8: Mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan berkebolehan untuk mengurus perniagaan dalam bidang komunikasi.
- PLO9: Memiliki kebolehan memimpin dan menerajui industri komunikasi.
- PLO10: Mempunyai kemahiran menggunakan pelbagai teknologi digital dan perisian yang relevan dalam bidang komunikasi.
- PLO11: Mempunyai kemahiran dalam menganalisis, menilai dan menginterpretasi data numerasi dan grafik berkaitan dengan bidang komunikasi.

2.0 SISTEM AKADEMIK DAN MAKLUMAT AM

2.1 Aktiviti Pendaftaran Kursus

Pendaftaran kursus ialah aktiviti utama bagi seorang pelajar aktif untuk memastikan pelajar adalah pelajar berdaftar bagi sesuatu kursus yang ditawarkan. Hal ini juga adalah sangat penting dalam memastikan kelancaran aktiviti pembelajaran dan pengajaran seseorang individu pelajar. Selain itu, perkara ini merupakan langkah pertama untuk membolehkan pelajar menduduki peperiksaan bagi sesuatu kursus yang didaftarkan pada setiap hujung semester. Perancangan yang sistematik semasa proses pendaftaran kursus setiap semester akan membantu proses pengijazahan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

2.1.1 Urus Setia Pendaftaran Kursus Sarjana Muda dan Diploma

Unit Rekod Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Aras 1, Bangunan Canselori

No. Telefon : 04-653 2925/2924/4194/2923
No. Faks : 04-657 4641
E-Mel : sdrp@usm.my
Laman sesawang : <http://bpa.usm.my/index.php/ms/>

2.1.2 Platform Pendaftaran Kursus

1. E-Daftar

E-Daftar ialah kaedah pendaftaran kursus secara dalam talian yang boleh dibuat melalui portal *CampusOnline*. Tempoh pendaftaran kursus bagi Semester 1 dan Semester 2 akan bermula selepas keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan.

Pendaftaran Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP) perlu dilaksanakan dalam talian di pusat pengajian selepas keputusan rasmi peperiksaan Semester 2 dikeluarkan.

Tarikh dan tempoh pendaftaran sebenar melalui E-Daftar akan diumumkan kepada semua pelajar melalui E-mel semasa minggu ulang kaji pada setiap semester dan perincian berkaitan aktiviti ini turut dipaparkan pada laman sesawang USM.

Pelajar boleh mendaftar semua kursus melalui E-Daftar kecuali

kursus kokurikulum. Pendaftaran kursus kokurikulum adalah di bawah tanggungjawab dan pentadbiran Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum di Kampus Induk, Penyelaras Kokurikulum di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan.

Pelajar perlu memohon untuk mengikuti kursus kokurikulum melalui proses pradaftar sebelum aktiviti E-Daftar yang sebenar bermula. Permohonan pradaftar yang berjaya akan disenaraikan dalam pendaftaran kursus pelajar.

Capaian ke Sistem E-Daftar

- a. Sistem E-Daftar boleh dicapai menerusi portal *CampusOnline* (<https://campusonline.usm.my>).
- b. Pelajar perlu menggunakan ID dan kata laluan E-mel USM untuk mengakses/*login* ke laman profil yang mengandungi menu bertajuk **E-Daftar**.
- c. Pelajar perlu mencetak slip pengesahan pendaftaran kursus selepas selesai mendaftar atau selepas setiap kali mengemas kini (gugur/tambah) senarai pendaftaran kursus dalam tempoh E-Daftar.

2. Pendaftaran Kursus di Pusat Pengajian/Pusat

Pendaftaran kursus di Pusat Pengajian/Pusat hanya dibenarkan kepada pelajar bertaraf akademik aktif dan percubaan (P1/P2). Pelajar yang gagal mendaftar kursus atau mempunyai masalah mendaftar kursus dalam tempoh E-Daftar, turut dibenarkan mendaftar semasa tempoh rasmi aktiviti pendaftaran kursus di Pusat Pengajian/Pusat.

Tempoh rasmi aktiviti pendaftaran adalah pada hari pertama semester bermula sehingga minggu ketiga. Mulai minggu keempat hingga keenam, aktiviti pendaftaran dan penambahan kursus dianggap sebagai lewat, dan denda RM50.00 untuk setiap pendaftaran akan dikenakan melainkan pelajar boleh memberikan alasan yang wajar. Pendaftaran lewat akan dikendalikan oleh Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (Jabatan Pendaftar).

2.1.3 Panduan Am Pendaftaran Kursus

1. Maklumat dan dokumen yang perlu dirujuk oleh pelajar sebelum pendaftaran kursus:
 - a. Laman sesawang Pusat Pengajian/Pusat berkaitan untuk mendapatkan arahan/maklumat terkini penawaran kursus atau berkaitan pendaftaran kursus.
 - b. Senarai kursus yang akan didaftarkan dan bilangan unit bagi setiap kursus berkaitan (rujuk Buku Panduan Rancangan Pengajian).

Status Akademik	PNG	Unit Minimum	Unit Maksimum
Aktif	2.00 & ke atas	9	25
P1	1.99 & ke bawah	9	12
P2		9	10

- c. Mana-mana pelajar yang masih mempunyai tunggakan **tidak akan dibenarkan mendaftar kursus**. Kumpulan pelajar terlibat hanya akan dibenarkan mendaftar kursus setelah mereka menjelaskan hutang berkenaan.
2. Jenis kod kursus semasa mendaftar:

T = Teras
E = Elektif
M = Minor
U = Universiti

} Gred dan bilangan unit yang diperoleh daripada kursus-kursus di bawah kod ini akan diambil kira untuk pengijazahan

2 jenis kod kursus yang lain adalah seperti berikut:
Y = Audit
Z = Prasyarat

} Gred dan bilangan unit yang diperoleh untuk kursus di bawah 2 kod ini tidak diambil kira untuk pengijazahan.
3. Penasihat dan perakuan Penasihat Akademik diperlukan.
4. Pelajar tidak dibenarkan mendaftar dan mengulang mana-mana kursus yang bergred 'C' ke atas.

5. Pelajar Perubatan, Pergigian dan Farmasi tidak dibenarkan mendaftar dan mengulang mana-mana kursus yang bergred 'B-' ke atas.

2.1.4 Maklumat/Dokumen yang Diberikan kepada Semua Pelajar Menerusi Portal *CampusOnline*

1. Maklumat Penasihat Akademik.
2. Maklumat akademik seperti taraf akademik, nilai PNG, nilai PNGK dan tahun pengajian.
3. Cangred dan borang daftar kursus.
4. Senarai kursus yang akan ditawarkan oleh semua Pusat Pengajian/Pusat.
5. Jadual waktu pengajaran dan pembelajaran daripada Pusat Pengajian/Pusat/Unit di ketiga-tiga kampus.
6. Senarai kursus pradaftar yang telah dimasukkan terlebih dahulu ke dalam rekod pendaftaran kursus pelajar yang berkenaan (jika ada).
7. Peringatan tertentu tentang dasar/syarat umum pendaftaran kursus Universiti.

2.1.5 Pendaftaran Kursus Bahasa dan Kokurikulum

1. Pendaftaran kursus bahasa secara E-Daftar dibenarkan.
 - a. Sekiranya pendaftaran kursus bahasa melalui E-Daftar gagal dibuat, pelajar masih boleh membuat/mengemaskinikan pendaftaran kursus semasa tempoh rasmi aktiviti pendaftaran kursus di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT).
 - b. Semua urusan kelulusan/ pendaftaran/ pengguguran/ penambahan kursus bahasa adalah di bawah tanggungjawab dan pentadbiran pihak PPBLT.
 - c. Sebarang masalah berkaitan pendaftaran kursus bahasa boleh dirujuk kepada pihak PPBLT seperti berikut:

Pejabat Am : 04-653 4542 }
Pengerusi Rancangan Bahasa Malaysia : 04-653 3974 } untuk
Pengerusi Rancangan Bahasa Inggeris : 04-653 3406 } pelajar
Pengerusi Rancangan Bahasa Asing : 04-653 3396 } Kampus
Induk

Pengerusi Rancangan Kampus Kejuruteraan : 04-599 5400/5430
04-599 5402/5407
Pengerusi Rancangan Kampus Kesihatan : 09-767 1262

2. Pendaftaran **kursus kokurikulum secara E-Daftar** adalah tidak dibenarkan.
 - a. Pendaftaran kursus kokurikulum dijalankan sama ada secara pradaftar sebelum semester bermula ataupun semasa dalam minggu pertama/kedua semester. Kumpulan pelajar yang terpilih sahaja akan dimasukkan data pendaftaran kursus kokurikulum mereka sebelum E-Daftar bermula.
 - b. Semua urusan kelulusan/ pendaftaran/ pengguguran/ penambahan kursus kokurikulum adalah di bawah tanggungjawab dan pentadbiran:

Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum, Kampus Induk
(04-653 5242/5248)

Timbalan Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum,
Kampus Kejuruteraan (04-599 5097/6308)

Timbalan Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum,
Kampus Kesihatan (09-7672371/6625)

3. **Pengguguran kursus Bahasa dan Kokurikulum, jika perlu, hendaklah dibuat dalam tempoh minggu pertama.** Selepas minggu pertama, denda RM50.00 akan dikenakan bagi setiap kursus.

2.1.6 Pendaftaran Kursus 'Audit' (kod jenis Y)

Pendaftaran untuk kursus jenis audit (kod jenis Y) **adalah tidak dibenarkan secara E-Daftar** bagi mana-mana kursus. Pendaftaran kursus ini boleh dilakukan semasa tempoh rasmi aktiviti pendaftaran di pusat pengajian atau pusat terlibat.

Pelajar yang berminat perlu mengisi borang pendaftaran kursus yang boleh dicetak melalui laman *CampusOnline* USM atau diperolehi di

pusat pengajian dan perlu mendapatkan kelulusan pensyarah bagi kursus yang hendak diaudit berserta kelulusan Dekan/Timbangan Dekan (akademik) pusat pengajian berkenaan.

Pendaftaran kursus audit (kod jenis Y) **TIDAK DIAMBIL KIRA** dalam penjumlahan keseluruhan beban kerja (unit) sebenar yang didaftar. Gred yang diperoleh daripada kursus audit tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK dan penjumlahan unit bagi pengijazahan.

2.1.7 Pendaftaran Kursus ‘Prasyarat’ (kod jenis Z)

Pendaftaran kursus prasyarat (kod jenis Z) **DIAMBIL KIRA** dalam penjumlahan keseluruhan beban kerja (unit) sebenar yang didaftar. Gred yang diperoleh daripada kursus prasyarat tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK dan penjumlahan unit ke arah pengijazahan.

2.1.8 Pendaftaran dan Penambahan Kursus Lewat

Pendaftaran dan penambahan kursus lewat hanya dibenarkan pada minggu pertama hingga minggu ketiga dengan kelulusan Dekan. Permohonan selepas minggu ketiga tidak akan dipertimbangkan, kecuali bagi kes-kes khas yang diluluskan oleh Universiti. Pelajar akan dikenakan denda sebanyak RM50.00 jika alasan yang diberikan tidak munasabah.

2.1.9 Pengguguran Kursus

Pengguguran kursus dibenarkan hingga **akhir minggu Keenam**.

Bagi tujuan menggugurkan kursus, pelajar mesti memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Universiti seperti berikut:

1. Borang Gugur Kursus perlu diisi oleh pelajar dan ditandatangani oleh pensyarah kursus berkenaan dan Dekan/Timbangan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) Pusat Pengajian pelajar berkenaan dan dikemukakan kepada Pejabat Am Pusat Pengajian/Pusat yang bertanggungjawab menawarkan kursus yang terlibat.
2. Pelajar yang ingin menggugurkan kursus bahasa mesti mendapat tandatangan dan cop Dekan/Timbangan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa) Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan.

3. Pelajar yang ingin menggugurkan kursus kokurikulum, mesti mendapatkan kelulusan Pengarah Rancangan Kokurikulum (Kampus Induk) atau Penyelaras Kokurikulum di Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan.
4. Kemudahan untuk menggugurkan kursus tidak boleh disalahgunakan. Pensyarah mempunyai hak untuk tidak membenarkan pelajar menggugurkan kursus sekiranya dia tidak serius terhadap kursus yang diambil seperti gagal menghadiri kuliah, tutorial dan amali dan tidak melaksanakan kerja kursus. Pelajar akan dihalang daripada menduduki peperiksaan dan akan diberikan gred 'X' dan tidak dibenarkan mengulang kursus semasa Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP).

2.1.10 Slip Pengesahan Pendaftaran Kursus

Slip pengesahan pendaftaran kursus yang dicetak selepas proses mendaftar kursus perlu disemak dengan teliti untuk memastikan tiada kesilapan dari segi kod kursus yang telah didaftarkan berserta kod jenis bagi setiap kursus yang didaftarkan.

Sebarang kesilapan data pendaftaran kursus perlu dibetulkan sama ada semasa E-Daftar atau di Pusat Pengajian semasa tempoh aktiviti pendaftaran kursus di Pusat Pengajian/Pusat.

2.1.11 Semakan dan Pengemaskinian Data/Maklumat/Rekod Peribadi dan Akademik Pelajar

Pelajar boleh menyemak maklumat peribadi dan akademik melalui portal *CampusOnline*. Pelajar juga dinasihatkan untuk selalu menyemak maklumat peribadi masing-masing yang dipaparkan dalam laman sesawang ini.

1. Pengemaskinian maklumat surat-menyurat, nombor telefon dan e-mel peribadi boleh dilakukan melalui portal *CampusOnline*.
2. Permohonan pembetulan/ pengemaskinian data peribadi seperti ejaan nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport dan alamat (tetap dan perhubungan) perlu dimaklumkan kepada Unit Rekod Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik.
3. Permohonan pembetulan data-data akademik seperti maklumat major, minor, keputusan MUET dan kod jenis kursus (selain data keputusan peperiksaan) perlu dimaklumkan kepada Unit Rekod Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik.

2.1.12 Penasihat Akademik

Pusat Pengajian akan melantik seorang Penasihat Akademik bagi setiap pelajar untuk memberikan penasihat dan perancangan berkaitan hal-hal akademik kepada pelajar di bawah tanggungjawab sepanjang tempoh pengajian pelajar berkenaan.

2.2 Takrifan Unit/Kredit/Kursus

2.2.1 Unit

Setiap kursus diberi nilai yang dikenali sebagai **UNIT**. Unit diberi berdasarkan skop kurikulum dan beban kerja pelajar dalam kursus yang berkenaan. Pada umumnya, unit ditakrifkan seperti berikut:

Jenis Kursus	Takrifan
Kursus Teori	1 unit bersamaan dengan 1 jam interaksi bagi tempoh satu minggu selama 13 – 14 minggu dalam satu semester.
Kursus Amali/ Makmal/ Kursus Kemahiran Bahasa	1 unit bersamaan dengan 1.5 jam interaksi bagi tempoh satu minggu selama 13 – 14 minggu dalam satu semester.
Kursus Latihan Industri/ Latihan Mengajar	1 unit bersamaan dengan 2 minggu latihan.

Berdasarkan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) pada masa ini:

Satu unit bersamaan 40 jam daripada waktu pembelajaran pelajar

[1 unit = 40 hours of Student Learning Time (SLT)]

2.2.2 Unit Kredit Terkumpul

Unit yang telah didaftarkan dan lulus dikenali sebagai kredit. Untuk berijazah, pelajar mesti mengumpulkan jumlah kredit yang ditetapkan mengikut program pengajian.

2.3 Sistem Peperiksaan

Peperiksaan diadakan pada akhir setiap semester. Pelajar mesti menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus yang didaftarkan semasa pendaftaran kursus

kecuali bagi kursus-kursus 100% kerja kursus. Setiap pelajar mestilah terlebih dahulu menjelaskan semua yuran dan juga memenuhi syarat keperluan kuliah/tutorial/amali dan keperluan lain bagi setiap kursus sebelum layak menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus yang didaftarkan. Penilaian kursus ditentukan berdasarkan prinsip penilaian secara berterusan daripada komponen kerja kursus dan peperiksaan akhir. Penilaian kerja kursus boleh mengandungi aspek-aspek seperti penglibatan dalam tutorial, ujian, esei, projek dan tugasan.

2.3.1 Tempoh Peperiksaan

Nilai Kursus	Tempoh Peperiksaan
2 unit	1 jam untuk kerja kursus melebihi 40%
2 unit	2 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah
3 unit atau lebih	2 jam untuk kerja kursus melebihi 40%
3 unit atau lebih	3 jam untuk kerja kursus 40% dan ke bawah

2.3.2 Penghalangan Peperiksaan

Pelajar boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir jika tidak memenuhi sekurang-kurangnya 70% keperluan kursus seperti tidak menghadiri kuliah dan tutorial serta tidak menyempurnakan keperluan komponen kerja kursus. Kursus yang dihalang akan diberikan gred 'X' dan pelajar tidak dibenarkan mengulang kursus berkenaan semasa Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP).

2.3.3 Sistem Purata Nilai Gred

Prestasi pelajar dalam sesuatu kursus dinilai berdasarkan skala berikut:

Gred Abjad	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	D-	F
Nilai Gred	4.00	3.67	3.33	3.00	2.67	2.33	2.00	1.67	1.33	1.00	0.67	0

Pelajar yang mendapat gred 'C-' dan ke bawah bagi sesuatu kursus boleh memperbaiki gred dengan mengulangi kursus itu semasa KSCP (lihat di bawah) atau pada semester biasa. Pelajar yang mendapat gred 'C' dan ke atas bagi sesuatu kursus tidak dibenarkan mengulangi kursus berkenaan sama ada semasa KSCP atau semester biasa.

Pencapaian dalam sesuatu semester dikira berdasarkan purata nilai gred (PNG) yang diperolehi daripada semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut. PNG ialah ukuran untuk menentukan

pencapaian taraf akademik pelajar bagi sesuatu semester.

PNGK ialah purata nilai gred kumulatif yang dikumpulkan oleh pelajar dari satu semester ke satu semester pengajiannya.

Rumusan untuk mengira PNG dan PNGK ialah:

$$\text{Purata Nilai Gred} = \frac{\sum_{i=1}^n U_i M_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

di sini:

- n = Bilangan kursus yang diambil
- U_i = Unit kursus bagi kursus i
- M_i = Mata penilaian gred bagi kursus i

Contoh pengiraan PNG dan PNGK:

	Kursus	Unit	Nilai Gred (NG)	Gred (G)	Jumlah NG
Semester I	ABC XX1	4	3.00	B	12.00
	ABC XX2	4	2.33	C+	9.32
	BCD XX3	3	1.67	C-	5.01
	CDE XX4	4	2.00	C	8.00
	EFG XX5	3	1.33	D+	3.99
	EFG XX6	2	2.67	B-	5.34
		20			43.66

$$\text{PNG} = \frac{43.66}{20} = 2.18$$

	Kursus	Unit	Nilai Gred (NG)	Gred (G)	Jumlah NG
Semester II	ABC XX7	3	1.00	D	3.00
	ABB XX8	4	2.33	C+	9.32
	BBC XX9	4	2.00	C	8.00
	BCB X10	4	2.67	B-	10.68
	XYZ XX1	3	3.33	B+	9.99
		18			40.99

$$\text{PNG} = \frac{40.99}{18} = 2.28$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah NG Terkumpul}}{\text{Jumlah Bil. Unit Terkumpul}} = \frac{43.66 + 40.99}{20 + 18} = \frac{84.65}{38} = 2.23$$

Dalam contoh di atas, PNGK dikira sebagai jumlah nilai gred terkumpul bagi semua kursus yang diambil, dibahagi dengan jumlah bilangan unit yang didaftarkan.

2.3.4 Kursus Semasa Cuti Panjang (KSCP)

Kursus Semasa Cuti Panjang hanya ditawarkan kepada pelajar yang memperoleh gred 'C-', 'D+', 'D', 'D-', 'F' dan 'DK' sahaja dalam sesuatu kursus. Pelajar yang mendapat gred 'X' dan 'F*' tidak dibenarkan mengambil peperiksaan KSCP.

Tujuan KSCP adalah untuk:

1. Memberikan peluang kepada pelajar yang menghadapi kesempitan masa untuk pengijazahan.
2. Membantu pelajar yang memerlukan beberapa unit untuk pengijazahan.
3. Membantu pelajar yang berada dalam taraf percubaan untuk memperbaiki taraf akademiknya.
4. Membantu pelajar yang perlu mengulang kursus prasyarat yang tidak ditawarkan pada semester berikutnya.

Walau bagaimanapun, peluang diberikan hanya kepada pelajar yang mengulang kursus yang pernah diambil dan mereka yang mendapat gred seperti yang dinyatakan di atas, sekiranya ditawarkan. Lazimnya, kuliah formal tidak akan dilaksanakan. Sebaliknya pengajaran dilakukan secara tutorial.

Kursus Semasa Cuti Panjang mengambil masa selama 3 minggu, iaitu 2 minggu tutorial dan 1 minggu peperiksaan. Tarikh Kursus Semasa Cuti Panjang boleh diperoleh melalui kalendar akademik.

Pelaksanaan KSCP

1. Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit.
2. Markah/gred kerja kursus yang diambil kira ialah markah/gred kerja kursus yang tertinggi dalam kursus berkenaan yang diperoleh pada semester lepas sebelum KSCP. Penentuan gred akhir adalah seperti berikut:

$$\text{Gred Akhir} = \text{Markah atau gred kerja kursus tertinggi} + \text{Markah atau gred peperiksaan KSCP}$$

3. Pengiraan PNG bagi KSCP menggunakan gred **TERKINI** (yang diperoleh semasa KSCP) dan melibatkan kursus-kursus semester kedua serta kursus-kursus yang diulang semasa KSCP. Jika PNG semasa KSCP mengikut pengiraan di atas ialah 2.00 atau ke atas, maka taraf akademik pelajar adalah aktif walaupun taraf akademik pelajar pada semester kedua ialah percubaan. Walau bagaimanapun, jika PNG bagi KSCP (mengikut pengiraan di atas) adalah 1.99 atau ke bawah, maka taraf akademik pelajar berdasarkan taraf pada semester kedua.
4. Pelajar yang berijazah (telah memenuhi syarat pengijazahan) pada akhir Semester 2 tidak dibenarkan mengambil KSCP.

2.3.5 Taraf Akademik

Taraf Aktif: Pelajar yang berjaya mendapat PNG 2.00 dan ke atas dalam peperiksaan sesuatu semester akan diberikan taraf AKTIF dan dibenarkan meneruskan pengajian dalam semester berikutnya.

Taraf Percubaan: Taraf percubaan diberikan kepada pelajar yang memperoleh PNG 1.99 dan ke bawah. Pelajar yang berada dalam taraf percubaan selama tiga semester berturut-turut (P1, P2, FO), tidak akan dibenarkan meneruskan pengajiannya di universiti ini. Walau bagaimanapun, jika nilai PNGK adalah 2.00 dan ke atas, pelajar dibenarkan meneruskan pengajian dan taraf dikekalkan sebagai P2.

2.3.6 Penalti tidak Menduduki Peperiksaan

Pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan bagi mana-mana kursus yang telah didaftarkan, perlu mengemukakan alasan secara bertulis kepada Ketua Penolong Pendaftar, Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik dalam tempoh 48 jam

(bagi pelajar penuh masa) dan dalam tempoh 7 hari (bagi pelajar pendidikan jarak jauh) dari masa peperiksaan berlangsung. Alasan yang dikemukakan akan dipertimbangkan oleh Majlis Pemeriksa Pusat Pengajian/Pusat dan disahkan oleh Majlis Peperiksaan Universiti seperti berikut:

1. Bagi alasan yang diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti, calon akan diberikan Gred DK [dengan kebenaran]. Gred DK akan diberikan kepada pelajar jika dia mengemukakan sijil sakit (daripada hospital/klinik kerajaan atau klinik panel/klinik USM) atau mengemukakan alasan-alasan yang diterima oleh Majlis Peperiksaan Universiti. Gred DK akan dikecualikan dalam pengiraan PNG/PNGK pelajar berkenaan.
2. Calon yang tidak menduduki peperiksaan tanpa alasan akan diberikan Gred F*.

2.3.7 Penamatan Pencalonan

Tanpa adanya prasangka terhadap syarat di atas, **Majlis Peperiksaan USM mempunyai kuasa mutlak untuk memberhentikan pengajian seseorang pelajar jika pelajar tidak memenuhi jumlah minimum kredit terkumpul.**

Majlis Peperiksaan USM juga boleh menamatkan pengajian seseorang pelajar atas sebab-sebab tertentu (tidak mendaftar kursus, tidak hadir peperiksaan tanpa alasan), termasuk alasan perubatan, yang menyebabkan pelajar tersebut tidak lagi sesuai untuk meneruskan pengajiannya di Universiti ini.

2.3.8 Keputusan Peperiksaan

Keputusan penuh (bergred) akan diumumkan Universiti melalui portal *CampusOnline* (campusonline.usm.my) selepas mesyuarat Majlis Pemeriksa Pusat Pengajian, iaitu lebih kurang dalam tempoh satu bulan selepas peperiksaan.

Pelajar boleh mencetak sendiri dokumen keputusan rasmi peperiksaan masing-masing yang dinamakan 'SEMGRED' melalui portal *CampusOnline* (campusonline.usm.my) pada hari/tarikh yang sama keputusan peperiksaan diumumkan.

2.3.9 Semakan Semula Keputusan Peperiksaan

Pelajar boleh memohon untuk menyemak semula keputusan peperiksaan bagi kursus yang diambil pada semester berkenaan. Borang permohonan boleh didapati dalam laman sesawang rasmi atau di kaunter Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar setiap kampus. Borang rayuan semakan semula tersebut hendaklah diserahkan berserta dengan salinan resit rasmi pembayaran/penyata *e-payment* berjumlah RM25.00 bagi satu kertas soalan. Tempoh rayuan adalah dua (2) minggu selepas keputusan rasmi diumumkan.

Proses penyemakan semula hanya melibatkan pengesahan sama ada semua skrip jawapan telah diperiksa dan diberikan markah secara konsisten serta penghitungan markah adalah betul. Skrip jawapan kursus berkenaan tidak akan dinilai semula.

Pusat pengajian akan mengesahkan sebarang pindaan pada keputusan peperiksaan pelajar berkenaan. Sekiranya terdapat pindaan gred/markah, pelajar boleh meminta pengembalian wang semakan semula sebanyak RM25.00. Unit Peperiksaan dan Pengijazahan akan membuat pindaan bagi keputusan peperiksaan kursus berkenaan dan pelajar boleh menyemak status terkini dalam portal *CampusOnline* masing-masing.

2.4 Pengecualian Unit

2.4.1 Pengecualian Unit

Pengecualian unit ditakrifkan sebagai sejumlah unit yang diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus di USM yang dikecualikan daripada keperluan pengijazahan. Pelajar hanya perlu mengumpul sejumlah baki unit tertentu bagi tujuan pengijazahan. Kelulusan atau gred kursus yang dikumpulkan atau diperoleh di USM, yang diambil kira dalam pengiraan purata nilai gred kumulatif (PNGK) bagi tujuan pengijazahan.

2.4.2 Peraturan dan Pelaksanaan Pengecualian Unit

1. Pelajar Lulusan Diploma daripada IPT Awam dan IPT Swasta yang diiktiraf:
 - a. Pengecualian unit hanya boleh diberikan bagi kursus-kursus yang diperoleh pada peringkat diploma. Walau bagaimanapun, pengecualian unit tidak dibenarkan bagi kursus-kursus Mata

Pelajaran Umum (MPU) seperti kursus Bahasa, Hubungan Etnik dan TITAS yang diambil pada peringkat Diploma.

- b. Kursus-kursus yang dipohon pengecualian unit boleh digabungkan (meliputi dua atau lebih) untuk mendapat pengecualian unit bagi satu kursus pada peringkat ijazah. Walau bagaimanapun, sekiranya Pusat Pengajian ingin memperakukan satu kursus sahaja pada peringkat diploma untuk mendapatkan pengecualian unit satu kursus pada peringkat ijazah, kursus pada peringkat diploma berkenaan mestilah yang setara dengan kursus peringkat ijazah dan mempunyai unit yang sama atau lebih.
- c. Kursus-kursus yang telah diikuti semasa bekerja (dalam perkhidmatan) oleh pelajar lepasan diploma tidak boleh dipertimbangkan untuk pengecualian unit.
- d. Pencapaian minimum dalam peperiksaan bagi kursus-kursus pada peringkat diploma yang boleh dipertimbangkan pengecualian unit adalah sekurang-kurangnya gred C atau 2.0 atau setara.
- e. Jumlah pengecualian semester tidak melebihi dua semester.
- f. **Untuk memperoleh pengecualian unit latihan industri**, pelajar mestilah mempunyai pengalaman bekerja berterusan selama sekurang-kurangnya dua tahun dalam bidang yang berkenaan. Sekiranya pelajar telah menjalani latihan industri semasa mengikuti program pengajian pada peringkat diploma, pelajar perlu mempunyai pengalaman bekerja selama satu tahun.

Di samping itu, pelajar juga dikehendaki mengemukakan laporan tentang tahap kerja dan jenis kerja yang dilakukan. Pengecualian unit latihan industri tidak diambil kira dalam mempertimbangkan pengecualian semester kerana latihan industri untuk USM diadakan semasa cuti panjang.

2. Pelajar Lepasn Diploma IPTS Program Kawal Selia/Luaran USM:
 - a. Pelajar Lepasn Diploma IPTS Program Kawal Selia/Luaran USM diberi pengecualian unit mengikut ketetapan yang telah ditetapkan bagi sesuatu program pengajian. **Lazimnya pengecualian unit bagi pelajar**

dalam kategori ini dibuat secara blok mengikut perjanjian antara USM (melalui pusat pengajian yang menawarkan program) dengan IPTS berkenaan.

- b. **Pelajar daripada IPTA/IPTS yang diiktiraf** sama ada dari dalam atau luar negara yang sedang mengikuti kursus pada peringkat sarjana muda dan ingin memohon melanjutkan pengajian di Universiti ini dan sekiranya berjaya, boleh dipertimbangkan pengecualian unit tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- [1] Kursus-kursus yang telah diikuti di IPT terdahulu adalah setara (sekurang-kurangnya 80% kandungan kursus adalah sama) dengan kursus-kursus yang ditawarkan di USM.
- [2] Bagi pelajar yang mengikuti kursus pada peringkat diploma lanjutan di IPT lain yang diiktiraf setaraf dengan kursus sarjana muda di USM, boleh dipertimbangkan pengecualian unit sama seperti pada Bahagian 2.5.
- [3] Jumlah maksimum pengecualian unit yang dibenarkan tidak melebihi 30% daripada jumlah keperluan unit pengijazahan.

2.4.3 Jumlah Pengecualian Semester

Pengecualian semester bergantung pada jumlah pengecualian unit yang setara bagi satu semester dalam sesuatu program.

Jumlah Unit dikecualikan	Jumlah Semester dikecualikan
8 dan ke bawah	Tiada
9 – 32	1
33 hingga 1/3 daripada jumlah unit berijazah	2

2.4.4 Tatacara Permohonan bagi Pengecualian Unit

Pelajar USM yang ingin memohon pengecualian unit perlu memohon dengan menggunakan 'Borang Permohonan Pengecualian Unit' yang boleh didapati daripada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan atau Pusat Pengajian masing-masing.

Borang permohonan perlu dikemukakan untuk kelulusan Dekan Pusat Pengajian sebelum dimajukan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan untuk pertimbangan dan kelulusan.

2.5 Pemindahan Kredit

Pemindahan kredit ditakrifkan sebagai pengiktirafan sejumlah kredit yang diperoleh pelajar USM yang mengikuti kursus di sesebuah IPTA lain dalam tempoh pengajiannya di USM, digabungkan dengan kredit yang diperoleh di USM untuk memenuhi syarat keperluan unit program pengajiannya. Keputusan peperiksaan atau gred yang diperoleh daripada kursus-kursus yang diikuti di IPTA lain yang dipindahkan akan digabungkan dalam pengiraan PNGK.

1. Kategori Pelajar yang Layak Dipertimbangkan untuk Pemindahan Kredit

Pelajar sepenuh masa program sarjana muda USM yang ingin mengikuti kursus tertentu pada peringkat sarjana muda di IPTA lain.

Pelajar sepenuh masa yang mengikuti program diploma USM yang ingin mengikuti kursus tertentu pada peringkat diploma di IPTA lain.

2. Syarat Khusus

a. Kursus Asas dan Teras

Pemindahan kredit hanya dipertimbangkan bagi kredit yang diperoleh daripada kursus-kursus di IPTA lain, yang setara (sekurang-kurangnya 80% kandungan kursus adalah sama) dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh program berkenaan.

Kursus-kursus yang boleh dipindahkan hanyalah kursus-kursus yang mempunyai bilangan unit yang sama atau lebih. Bagi kursus yang setara tetapi unitnya kurang, pemindahan kredit boleh diperakukan dengan menggabungkan beberapa kursus. Kredit yang dipindahkan adalah sama dengan unit kursus yang ditawarkan di USM. Gred purata bagi kursus yang digabungkan tersebut akan diambil kira dalam pengiraan PNGK.

b. Kursus Elektif atau Opsyen

Pelajar boleh mengikuti mana-mana kursus tertentu yang bersesuaian di IPTA lain tertakluk pada kebenaran pusat pengajian serta kemampuan atau kesediaan IPTA lain.

Kredit yang dipindahkan ialah kredit yang diperoleh daripada kursus-kursus di IPTA lain. Tiada syarat kesetaraan kursus diperlukan.

c. Kursus Minor

Bagi pemindahan unit kursus minor, pusat pengajian perlulah memenuhi syarat (i) atau (ii), dengan mengambil kira keperluan sesuatu program.

3. Syarat Umum

- a. Bilangan maksimum unit yang boleh dipindahkan hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada keseluruhan bilangan unit pengajian.
- b. Pemindahan kredit daripada IPTA lain hanya boleh berlaku sekali bagi setiap IPTA.
- c. Keputusan peperiksaan yang diperoleh oleh pelajar yang mengikuti kursus di IPTA lain akan diambil kira bagi tujuan pengijazahan. Gred yang diperoleh bagi setiap kursus akan digabungkan dengan gred yang diperoleh di USM dalam pengiraan PNGK.
- d. Pelajar yang telah memohon dan diluluskan pemindahan kredit tidak dibenarkan membatalkan kelulusan tersebut setelah keputusan peperiksaan diperoleh.
- e. Pelajar dikehendaki mendaftar kursus di IPTA lain tidak kurang daripada jumlah unit minimum serta tidak melebihi unit maksimum yang ditetapkan mengikut program pengajian mereka. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu (contohnya pelajar mengulang tahun pengajian dan hanya memerlukan beberapa unit untuk berijazah), Dekan boleh memperakukan pelajar mendaftar unit kurang daripada minimum, semester tersebut tidak akan diambil kira dalam syarat bermastautin. Dalam hal ini, pengiraan PNGK mengikut kaedah yang diamalkan bagi KSCP.
- f. Pelajar USM yang mengikuti kursus di IPTA lain dan jika gagal mana-mana kursus, dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan sekiranya terdapat peruntukan untuk berbuat demikian di IPTA tersebut.
- g. Sekiranya kaedah pengiraan markah peperiksaan di IPTA lain tidak sama seperti yang dilaksanakan di USM, maka kaedah penukaran gred akan dilakukan mengikut skala yang sedia ada.

- h. Pelajar USM yang telah mendaftar kursus di IPTA lain dan membuat keputusan untuk kembali mengikuti pengajian di USM, perlu mengikuti syarat-syarat pendaftaran kursus yang sedia ada di USM.

2.5.1 Tatacara Permohonan untuk Mengikuti Kursus/Pemindahan Kredit

Pelajar USM yang ingin memohon mengikuti kursus/pemindahan kredit di IPTA lain perlu memohon dengan menggunakan 'Borang Permohonan Pemindahan Kredit'.

Borang permohonan perlu mendapat kelulusan Dekan Pusat Pengajian bagi program pengajian yang sedang diikuti dalam tempoh tiga bulan sebelum dimajukan kepada IPTA lain untuk pertimbangan.

2.6 Integriti Akademik

“Integriti tanpa ilmu adalah lemah dan tidak berguna. Ilmu tanpa integriti adalah berbahaya dan dahsyat”- Samuel Johnson

Kejujuran dalam akademik adalah penting kerana kejujuran merupakan tonggak dalam memastikan adab dan tatasusila berkenaan dengan integriti pendidikan tinggi terpelihara.

Universiti Sains Malaysia menggalakkan pelajarinya agar menghormati dan memastikan perkara berkaitan integriti akademik sentiasa terpelihara dan disanjung tinggi. Universiti Sains Malaysia sentiasa menerapkan prinsip ini kepada pelajar Universiti Sains Malaysia untuk memastikan bahawa akhlak, etika dan integriti akademik ini adalah suatu perkara penting semasa mereka mendalami pengajian mereka di Universiti Sains Malaysia.

Berikut adalah amalan atau perbuatan yang dianggap sebagai tindakan tidak berintegriti dalam akademik:

1. Menipu

Menipu dalam konteks akademik termasuklah meniru dalam sesuatu peperiksaan, penggunaan maklumat atau bahan bantu lain tanpa kebenaran atau secara tidak jujur. Terdapat pelbagai cara dan kaedah yang digunakan dalam penipuan akademik dan antaranya:

- a. Menyalin jawapan daripada orang lain semasa ujian atau peperiksaan.

- b. Melakukan apa-apa perbuatan mencurigakan yang boleh dianggap sebagai menipu atau cuba menipu dalam peperiksaan.
- c. Menggunakan bahan atau alatan tanpa kebenaran contohnya nota bertulis tangan, jam pintar atau apa-apa bahan elektronik yang tidak dibenarkan semasa ujian atau peperiksaan.
- d. Meminta atau membenarkan pelajar lain untuk mengambil ujian atau peperiksaan bagi pihak diri pelajar dan sebaliknya.
- e. Berkongsi jawapan bagi sesuatu tugasan atau projek.
- f. Sengaja merosakkan markah/gred kerja setelah dipulangkan, kemudian menghantarnya semula bagi pemarkahan/penggredan semula.
- g. Mengarah, memaksa, memujuk, memperdaya atau mengugut orang lain membuat penyelidikan, penulisan, pemrograman, atau jenis tugasan yang lain untuk kepentingan diri pelajar sendiri.
- h. Menghantar kerja yang serupa atau sama bagi lebih daripada satu kursus tanpa berunding atau terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pensyarah yang terlibat.

2. Ciplakan

Reputasi sesebuah institusi akademik bergantung pada keupayaannya untuk mencapai dan melestarikan kecemerlangan akademik melalui pelaksanaan kejujuran dan integriti akademik. Integriti akademik berasaskan kepercayaan, kesaksamaan, rasa hormat dan kebertanggungjawaban, yang membentuk asas kepada semua hasil karya akademik.

Salah satu aspek hilangnya integriti akademik ialah ciplakan, iaitu perbuatan seseorang yang menyatakan secara tidak jujur, sama ada secara bertulis atau medium lain, bahawa sesuatu idea, yang telah diterbitkan ataupun yang belum terbit, penulisan, karya atau ciptaan orang lain, merupakan usaha intelektualnya sendiri tanpa memberikan penghargaan atau rujukan jelas tentang pengarang asal atau sumbernya.

DASAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TERHADAP CIPLAKAN

Dasar Universiti terhadap Ciplakan menerangkan komitmen jitu

Universiti untuk menegakkan integriti akademik berkaitan dengan ciplakan. Dasar ini akan menjadi sumber kuasa apabila terdapat suatu pelanggaran tatakelakuan akademik yang berkait dengan ciplakan.

Dasar Universiti terhadap ciplakan ini adalah sebagai peraturan yang bersifat mendidik dan mencegah dan boleh dijadikan asas sekiranya mana-mana warga Universiti melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang Universiti.

Dasar ini terpakai kepada semua pelajar, bekas pelajar, staf dan bekas staf termasuk felo, pascakedoktoran, sarjana pelawat, dan staf akademik, staf bukan akademik, staf penyelidikan, staf kontrak dan staf sementara yang belajar, berkhidmat atau telah berkhidmat atau telah menamatkan pengajian di Universiti.

Ciplakan ditakrifkan sebagai satu perbuatan membentang, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, perkataan sendiri atau orang lain atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumber asalnya. Perbuatan ciplakan termasuk, tetapi tidak terhad, kepada hal-hal berikut:

- a. Memetik secara verbatim (pereplikaan kata demi kata) hasil karya orang lain.
- b. Memparafrasa karya orang lain dengan mengubah sesetengah daripada perkataan, atau susunan kata tanpa memberikan perakuan yang sewajarnya kepada sumber asalnya.
- c. Menghantar karya orang lain sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai karya sendiri.
- d. *Auto-plagiarisme* atau swaplajarisme (self-plagiarism) (karya sendiri yang telah diterbitkan) atau karya yang sudah pun dihantar untuk penilaian atau bagi mana-mana anugerah dan menyerahkannya sebagai ciptaan yang baharu tanpa memetik kandungan asal.
- e. Perujukan sumber yang tidak mencukupi atau mengelirukan yang membolehkan pembaca menyemak sama ada sesuatu karya itu telah dipetik dengan tepat dan/atau secara adil, justeru membolehkan mereka mengenal pasti sumbangan penulis asal dalam karya yang diserahkan itu.

Universiti mengambil berat setiap aduan dan kesalahan berkaitan ciplakan dan sekiranya pelajar didapati melakukan kesalahan menciplak

dan terbukti bersalah, maka Universiti boleh mengenakan hukuman tatatertib mengikut Kaedah Tatatertib Pelajar.

3. Pemalsuan

Pemalsuan bermaksud suatu proses pembuatan, adaptasi atau meniru dengan maksud untuk menipu. Pemalsuan ialah perbuatan memperdaya orang lain. Pemalsuan pada dasarnya merupakan sesuatu yang bersangkutan dengan objek yang dihasilkan atau diubah.

Ciptaan atau hasil tugas atau kerja akademik yang tidak memberikan pengiktirafan, meminda, memalsukan atau penyalahgunaan data, maklumat atau petikan dalam mana-mana kerja akademik boleh dianggap sebagai kerja-kerja pemalsuan. Maklumat yang dipalsukan dan bukannya hasil usaha sebenar pelajar yang berkaitan dengan sesuatu penyiasatan atau kajian tertentu dianggap sebagai melanggar prinsip mencari kebenaran ilmu. Antara contoh pemalsuan termasuklah:

- a. Mengubah data atau keputusan, atau menggunakan keputusan orang lain, dalam sesuatu eksperimen, tugas atau penyelidikan.
- b. Memetik sumber yang tidak digunakan atau dirujuk.
- c. Sengaja menyenaraikan rujukan yang tidak betul atau rekaan.
- d. Memalsukan rekod atau dokumen akademik untuk kepentingan akademik.
- e. Memalsukan dokumen termasuklah tandatangan pemberian kuasa dalam mana-mana rekod akademik atau dokumen USM yang lain.
- f. Membangunkan set data palsu.

4. Bersubahat Terhadap Perkara Salah

Bersubahat secara umumnya bermaksud bersepakat menjayakan atau melakukan sesuatu perbuatan atau pekerjaan dengan tujuan tidak baik. Antara contoh bersubahat termasuklah:

- a. Mengupah, merasuah atau membenarkan seseorang membuat tugas, ujian/peperiksaan, projek atau penyelidikan untuk kepentingan sendiri.
- b. Melakukan atau membantu orang lain dalam sesuatu tugas, ujian/peperiksaan, projek atau penyelidikan secara tidak jujur bagi sesuatu

pulangan.

- c. Membenarkan tugas atau kerja anda digunakan oleh orang lain.
- d. Menyediakan bahan, maklumat, atau sumber kepada orang lain, dan sedar atau tahu bahawa bantuan yang sedemikian boleh digunakan dalam cara yang tidak jujur.

5. Pelanggaran etika lain yang melibatkan integriti akademik

- a. Hadir lewat ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berkaitan dengan kursus pengajiannya.
- b. Lewat menghantar atau menyerahkan sebarang tugas yang diarahkan berkaitan dengan kursus pengajiannya.
- c. Mengupah orang lain untuk membuat tugas atau tesis.
- d. Menjalankan perniagaan dengan menyediakan khidmat menulis tugas atau tesis pelajar.
- e. Sebarang kesalahan lain yang pada pandangan USM sebagai melanggar integriti akademik.

2.6.1 Kesan Pelanggaran Integriti Akademik

Pelajar bertanggungjawab untuk melindungi dan menyokong pelaksanaan integriti akademik di USM.

Jika dalam keadaan tertentu, pelajar mengetahui wujudnya pelanggaran integriti akademik, dalam keadaan yang demikian, pelajar hendaklah melaporkannya kepada pensyarah yang berkaitan. Pensyarah berkenaan kemudiannya perlu menyiasat dan mengesahkan perkara tersebut dan kemudiannya boleh melaporkannya kepada Dekan Pusat Pengajian.

1. Jika sesuatu pelanggaran integriti akademik dianggap kurang serius, Dekan di Pusat Pengajian boleh mengambil tindakan pentadbiran kepada pelajar berkenaan.
2. Walau bagaimanapun, jika sesuatu pelanggaran integriti akademik dianggap serius oleh Pusat Pengajian, maka kes ini hendaklah dirujuk kepada Urusetia Jawatankuasa Tatatertib Pelajar (Kes Akademik) Universiti di alamat Pejabat Perundangan, Aras 2, Bangunan E42, Canselor II untuk tindakan

tatatertib sewajarnya berdasarkan prosedur yang ditetapkan.

3. Sekiranya pelajar ditangkap kerana melakukan suatu kesalahan meniru atau menipu semasa peperiksaan berlangsung, Jawatankuasa Siasatan Kes Meniru/Menipu Dalam Peperiksaan akan mengendalikan kes ini mengikut prosedur Universiti. Jika hasil siasatan tersebut mendapati wujudnya kesalahan yang boleh didakwa, pelajar berkenaan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar (Kes-kes Akademik) Universiti. Dalam hal ini, peruntukan tingkah laku pelajar berkaitan dengan peperiksaan dalam Kaedah Tatatertib Pelajar terpakai.
4. Kaedah 48 Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar) memperuntukkan bahawa pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:
 - a. amaran;
 - b. denda tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00);
 - c. dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
 - d. digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
 - e. dipecat dari Universiti.

2.7 Program Mentor USM

Program Mentor bertindak sebagai program sokong-bantu yang melibatkan staf yang menjalani latihan khas sebagai perunding dan pembimbing kepada warga USM yang ingin berkongsi perasaan dan apa jua aspek psikososial yang boleh menjejaskan kefungsi sosial mereka. Program ini menguruskan isu psikososial dengan lebih berkesan dan akhirnya dapat meningkatkan kesejahteraan demi mencapai kehidupan yang lebih bermutu.

Objektif

1. Sebagai mekanisme kerjasama dan saling membantu dalam kalangan warga untuk berkongsi segala tekanan, masalah psikososial dan memperkukuh kesejahteraan sosial warga USM.
2. Memupuk semangat kekitaan dan konsep saling membantu dengan menjadikan mentor yang dilatih sebagai ejen sosial untuk mempromosikan masyarakat penyayang USM.
3. Melahirkan ahli sukarelawan yang lebih ramai untuk membantu mereka yang memerlukan pertolongan.
4. Mencegah kemudaratan dalam apa jua aspek psikososial sebelum sampai ke tahap yang kritikal.

2.8 Rancangan Pertukaran Pelajar

2.8.1 Skim Belajar Luar Negara (SBLN)

SBLN bertujuan memberikan peluang kepada pelajar USM untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi luar negara selama satu atau dua semester. Secara ideal, para pelajar digalakkan untuk menyertai rancangan pertukaran ini sama ada antara semester ketiga hingga semester kelima (program ijazah 3 tahun) dan antara semester ketiga hingga semester ketujuh (program ijazah 4 tahun).

Bagi pelajar USM yang berhasrat untuk mengikuti SBLN, pelajar perlu membuat perancangan (akademik) terlebih dahulu bersama Dekan atau Timbalan Dekan, Pusat Pengajian serta Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC) (untuk membolehkan kredit yang diperolehi daripada institusi pengajian tinggi luar negara itu dipindahkan sebagai sebahagian pengumpulan kredit untuk pengijazahan).

Mana-mana pelajar yang mengikuti SBLN dan melakukan kesalahan tata tertib di institusi pengajian tinggi luar negara berkenaan, boleh dikenakan tindakan tata tertib berdasarkan Kaedah Tata tertib Pelajar sekiranya kes tersebut dirujuk kepada USM.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.imcc.usm.my atau hubungi Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC) di talian +604 – 653 2777/2774.

2.8.2 Rancangan Pertukaran Pelajar Antara IPT (RPPIPT)

Program ini membenarkan pelajar di USM untuk menyertai program pertukaran pelajar selama satu semester antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang berkenaan dan boleh memohon pemindahan kredit untuk kursus yang telah diikuti.

Bagi pelajar USM yang berhasrat untuk mengikuti RPPIPT, pelajar perlu membuat perancangan (akademik) terlebih dahulu bersama Dekan atau Timbalan Dekan, Pusat Pengajian serta Bahagian Akademik & Antarabangsa (untuk membolehkan kredit yang diperoleh daripada IPT di Malaysia dipindahkan sebagai sebahagian pengumpulan kredit untuk pengijazahan).

Mana-mana pelajar yang mengikuti RPPIPT dan melakukan kesalahan tatatertib di institusi pengajian tinggi berkenaan, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Kaedah Tatatertib Pelajar sekiranya kes tersebut dirujuk kepada USM.

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Bahagian Akademik & Antarabangsa di talian +604 – 653 2430.

2.9 Pemilikan Hak Milik Disertasi/Laporan Projek/Tesis Pelajar dan Harta Intelek Universiti

2.9.1 Hak Milik Disertasi/Laporan Projek/Tesis Pelajar dan Harta Intelek Universiti

Hak cipta sesuatu disertasi/laporan projek/ tesis ialah hak milik pelajar berkenaan. Walau bagaimanapun, sebagai syarat untuk dianugerahkan ijazah, pelajar dengan ini memberikan hak tanpa sebarang balasan, secara berterusan, bukan eksklusif dan bebas royalti kepada Universiti untuk menggunakan kandungan kerja dan/atau tesis tersebut bagi kegunaan pengajaran, penyelidikan dan promosi. Di samping itu, mereka juga memberikan hak bukan eksklusif kepada Universiti, untuk menyimpan, menggunakan, menghasilkan semula, mempamerkan dan mengedarkan salinan karya tesis tersebut, bersama-sama dengan hak penerbitan bagi tujuan penyelidikan masa hadapan dan arkib.

3.0 KEPERLUAN KURSUS UNIVERSITI

3.1 Ringkasan Keperluan Kursus Universiti

Pelajar dikehendaki mengambil 15-22 kredit kursus Universiti/opsyen berikut untuk keperluan Universiti:

KEPERLUAN KURSUS UNIVERSITI		JUMLAH KREDIT	
		Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
Mata Pelajaran Umum (MPU)			
U1	<u>Pelajar Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ HFE224 (Penghayatan Etika dan Peradaban) (2 kredit) ▪ LKM400 (Bahasa Malaysia IV) (2 kredit) <u>Pelajar Antarabangsa Aliran Sains dan Teknologi</u> <ul style="list-style-type: none"> ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ LKM100 (Bahasa Malaysia I) (2 kredit) 	6	4
	<u>Pelajar Antarabangsa Aliran Sastera</u> <i>(Program Pengajian dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar)</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ LKM100 (Bahasa Malaysia I) (Z) ▪ LKM200 (Bahasa Malaysia 2) (U) (2 kredit) <u>Pelajar Antarabangsa Aliran Sastera</u> <i>(Program Pengajian dengan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar)</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit) ▪ LKM100 (Bahasa Malaysia I) (U) (2 kredit) 		
U2 (Pelajar tempatan) DAN U3 (Pelajar antarabangsa)	<u>Pelajar Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none"> ▪ WUS101** (Teras Keusahawanan) (2 kredit) ▪ Kursus Bahasa Inggeris (4 kredit) <u>Pelajar Antarabangsa</u> <ul style="list-style-type: none"> ▪ SEA205E (Kajian Malaysia) (4 kredit) ▪ Kursus Bahasa Inggeris (4 kredit) 	6	8
U4	Kursus Kokurikulum*	2	2
Opsyen	Kursus Kemahiran/Kursus Bahasa Asing/Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain. Pelajar perlu memilih mana-mana yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kursus Kokurikulum ▪ Kursus Kemahiran/Kursus Bahasa Asing/ Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain 	1-8	1-8
JUMLAH KREDIT		15-22	15-22

- * Pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan diwajibkan memilih satu pakej kokurikulum berpakaian seragam.
- * Pelajar Pusat Pengajian Sains Pergigian diwajibkan mendaftar kursus kokurikulum sebanyak tiga (3) kredit. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Pejabat Akademik, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Kampus Kesihatan.

3.2 Komponen Mata Pelajaran Umum (MPU) (14 kredit)

MPU ialah satu daripada strategi serta inisiatif yang dirancang bagi tujuan memenuhi keperluan yang terdapat dalam Lonjakan 1, iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan tinggi negara dan aspirasi pelajar.

MPU dibahagikan kepada empat kelompok seperti berikut:

1. U1: penghayatan falsafah, nilai dan sejarah;
2. U2: penguasaan kemahiran insaniah;
3. U3: perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia;
4. U4: kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

A. Kelompok U1

Pelajar Tempatan

Semua pelajar tempatan perlu mengambil dan lulus kursus-kursus berikut. Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan.

(i) HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit)

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah, iaitu epistemologi, metafizik, dan etika, dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberikan pada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Pada hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

(ii) HFE224 (Penghayatan Etika dan Peradaban) (2 kredit)

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di

Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era prakolonial sehingga pascakolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpandukan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana etika dan peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. Oleh sebab itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Justeru, perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baharu dalam mengukuhkan kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini.

(iii) LKM400/2 (Bahasa Malaysia IV)

Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Syarat kelayakan pendaftaran kursus Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

Bil	Kelayakan	Gred	Peringkat Kemasukan	Jenis	Kredit	Status
1	(a) SPM/MCE/SC (atau kelayakan setara) (b) STPM/HSC (atau kelayakan setara)	1 - 6 P/S	LKM400	U	2	Keperluan Pengijazahan

Catatan:

Untuk memperoleh kredit bagi kursus Bahasa Malaysia, gred minimum yang diperlukan ialah gred C. Pelajar boleh mendapatkan nasihat daripada Pusat Pengajian Bahasa, Literasi

dan Terjemahan jika mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang tertera dalam jadual.

Pelajar Antarabangsa

Semua pelajar antarabangsa perlu mengambil dan lulus kursus-kursus berikut. Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan.

(i) **HFF225 (Falsafah dan Isu Semasa) (2 kredit)**

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah, iaitu epistemologi, metafizik, dan etika, dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberikan pada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Pada hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

(ii) **Kursus Bahasa Malaysia (2 kredit)**

Semua pelajar antarabangsa perlu mengambil dan lulus kursus Bahasa Malaysia. Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Keperluan kursus Bahasa Malaysia mengikut aliran program pengajian adalah seperti berikut:

- (i) Pelajar antarabangsa yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera (program pengajian dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pengantar) dikehendaki mengambil kursus berikut:

Kod	Jenis	Kredit
LKM100	Z	2
LKM200	U	2

- (ii) Pelajar antarabangsa yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera (program pengajian dengan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar) dikehendaki mengambil kursus berikut:

Kod	Jenis	Kredit
LKM100	U	2

- (iii) Pelajar Antarabangsa yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains dan Teknologi dikehendaki mengambil kursus berikut:

Kod	Jenis	Kredit
LKM100	U	2

B. Kelompok U2 atau U3

Pelajar Tempatan

WUS101 (Teras Keusahawanan) (2 kredit)

Semua pelajar tempatan perlu mengambil dan lulus kursus WUS101/2 (Teras Keusahawanan). Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Berikut ialah sinopsis kursus:

Kursus ini memberikan pendedahan asas kepada pelajar tentang bidang keusahawanan dan perniagaan, dengan memberikan penekanan terhadap pelaksanaan aspek pembelajaran sambil mengalami proses melaksanakan projek perniagaan di dalam kampus. Hasil pembelajaran utama ialah penerapan budaya dan amalan murni keusahawanan dalam amalan harian pelajar. Inisiatif ini diambil untuk membuka minda dan merangsang semangat keusahawanan kepada kumpulan sasaran yang berpotensi sebagai usahawan yang berjaya.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

Pelajar Antarabangsa

SEA205E (Kajian Malaysia) (4 kredit)

Semua pelajar antarabangsa perlu mengambil dan lulus kursus SEA205E/4 (Kajian Malaysia). Gred lulus minimum yang diperlukan ialah gred C sebagai syarat pengijazahan. Berikut ialah sinopsis kursus:

Kursus ini membincangkan Malaysia dari sudut sejarah, politik, sosial, budaya dan ekonomi. Kursus ini akan mengupas hubungan antara sejarah dengan politik negara Malaysia, pembentukan masyarakat majmuk yang menjadi ciri utama masyarakat Malaysia, serta isu pembangunan di Malaysia. Pelajar juga didedahkan dengan topik-topik kontemporari dalam masyarakat Malaysia seperti golongan terpinggir,

budaya popular, isu-isu kesihatan dan kesejahteraan, serta melihat Malaysia dalam konteks global.

Pelajar Tempatan dan Antarabangsa

Semua pelajar perlu mengambil empat (4) kredit kursus Bahasa Inggeris bagi memenuhi keperluan pengijazahan.

(a) **Syarat kelayakan pendaftaran kursus Bahasa Inggeris bagi pelajar yang mempunyai MUET**

Jadual di bawah menunjukkan syarat kelayakan mengikuti kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan:

Bil.	Kelayakan MUET/ Kursus Prasyarat	Gred	Kursus Bahasa Inggeris	Jenis Kursus
1.	MUET atau ;	Band 3/2	LMT100 (2 kredit)	Prasyarat/ Jenis Z
	Budi Bicara Dekan PPBLT			
2.	MUET atau ;	Band 4	LSP300 (2 kredit)	Wajib/Jenis U
	LMT100 atau ;	A - C		
	Budi Bicara Dekan PPBLT			
3.	MUET atau ;	Band 5	LSP 401/402/403/404 *semua kursus LSP berjumlah 2 kredit	Wajib/Jenis U
	LSP300 atau ;	A - C		
	Budi Bicara Dekan PPBLT			
4.	MUET atau ;	Band 6	LHP 451/452/453/454/455/ 456/457/458/459 *semua kursus LHP berjumlah 2 unit kecuali kursus LHP457 yang berjumlah 4 kredit	Wajib/Opsyen/ Jenis U
	LSP401/402/403/404 atau ;	A - C		
	Budi Bicara Dekan PPBLT			

(b) **Syarat kelayakan pendaftaran kursus Bahasa Inggeris bagi pelajar yang mempunyai TOEFL/IELTS**

Jadual di bawah menunjukkan syarat kelayakan mengikuti kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan:

Bil.	TOEFL (Internet Based Test)	IELTS	Kursus Bahasa Inggeris	Jenis Kursus
1.	35 - 59	5.0 – 5.5	LMT100 (2 kredit)	Prasyarat/ Jenis Z

2.	60 – 93	6.0 – 6.5	LSP 300 (2 kredit)	Wajib/Jenis U
3.	94 - 109	7.0 – 7.5	LSP 401/402/403/404 (2 kredit)	Wajib/Jenis U
4.	110 - 120	8.0 – 9.0	Siri LHP * semua kursus LHP adalah 2 kredit kecuali LHP457, iaitu 4 kredit	Wajib/Opsyen/ Jenis U

Nota:

- Pelajar perlu merujuk jadual senarai kursus Bahasa Inggeris yang diwajibkan mengikut pusat pengajian masing-masing.
- Pelajar boleh mendapatkan nasihat daripada Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan jika mempunyai kelayakan bahasa Inggeris yang berbeza daripada yang tertera dalam jadual di atas.
- Untuk memperoleh kredit bagi semua kursus bahasa Inggeris, pelajar perlu mendapatkan sekurang-kurangnya gred C bagi kursus tersebut.
- Bagi pelajar yang memperoleh skor 260 – 300 (Band 6) dalam MUET, 4 kredit kursus Bahasa Inggeris mesti dikumpulkan daripada kursus peringkat maju (LHP451/ 452/ 453/ 454 /455/ 456/ 457/ 458/ 459) atau kursus bahasa asing dengan kebenaran bertulis daripada Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan. (Sila gunakan borang yang boleh didapati di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan).
- Pelajar yang mendapat skor MUET kurang daripada 180 (Band 4) BOLEH mengulang MUET sehingga mendapat skor Band 4 ATAU mengikuti kursus LMT100 dan lulus gred minimum Gred ‘C’ sebelum pelajar boleh mendaftar kursus LSP300.

(c) Kursus Bahasa Inggeris

Kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan sebagai kursus Universiti adalah seperti berikut:

Bil	Kod/Unit	Tajuk Kursus	Pusat Pengajian (Jika Berkenaan)
1	LMT100/2	Bahasa Inggeris Persediaan	Pelajar daripada semua pusat pengajian
2	LSP300/2	Bahasa Inggeris Akademik	Pelajar daripada semua pusat pengajian

3	LSP401/2	Bahasa Inggeris Am	Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (Sastera) Pusat Pengajian Seni Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
4	LSP402/2	Bahasa Inggeris Saintifik dan Perubatan	Pusat Pengajian Sains Kajihayat Pusat Pengajian Sains Fizik Pusat Pengajian Sains Kimia Pusat Pengajian Sains Matematik Pusat Pengajian Teknologi Industri Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (Sains) Pusat Pengajian Sains Perubatan Pusat Pengajian Sains Kesihatan dan Pergigian Pusat Pengajian Sains Farmasi
5	LSP403/2	Bahasa Inggeris Perniagaan dan Komunikasi	Pusat Pengajian Pengurusan Pusat Pengajian Komunikasi
6	LSP404/2	Bahasa Inggeris Teknikal dan Kejuruteraan	Pusat Pengajian Sains Komputer Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan Pusat Pengajian Kejuruteraan

C. Kelompok U4

Semua pelajar diwajibkan untuk mengambil kursus kokurikulum bagi melengkapkan keperluan minimum dua (2) kredit dalam struktur MPU. Pelajar yang memilih untuk mengambil kursus kokurikulum berpakej dikehendaki melengkapkan semua peringkat pakej berkenaan. Pelajar boleh memilih kursus yang ditawarkan mengikut kelompok Teras seperti berikut:

(i) Teras Kesukarelawanan (6 - 10 kredit)

Semua kursus yang ditawarkan di bawah teras ini ialah kursus berpakaian seragam yang ditawarkan secara berpakej seperti berikut:

PALAPES Tentera Darat	PALAPES Tentera Laut	PALAPES Tentera Udara	SUKSIS (Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi)
WTD103/3	WTL103/3	WTU103/3	WPD101/2
WTD203/3	WTL203/3	WTU203/3	WPD201/2
WTD304/4	WTL304/4	WTU304/4	WPD301/2

SISPA (Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia)	Pasukan Ambulans St. John	Pasukan Bantuan Kecemasan Bulan Sabit Merah
WPA103/2	WJA102/2	WBM102/2
WPA203/2	WJA202/2	WBM202/2
WPA303/2	WJA302/2	WBM302/2

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

(ii) Teras Sukan (1 - 3 kredit)

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kursus Berpakej (3 kredit, 3 Semester) (Pelajar perlu melengkapkan kesemua peringkat)	
Karate	Taekwondo
WSC108/1	WSC115/1
WSC208/1	WSC215/1
WSC308/1	WSC315/1
Kursus Tidak Berpakej (1 kredit)	
WSC105/1 - Bola Tampar	WSC124/1 - Sepak Takraw
WSC106/1 - Golf	WSC 125/1- Futsal
WSC110/1 - Memanah	WSC 126/1 - Bola Jaring
WSC111/1 - Ping Pong	WSC127/1 - Pengurusan Acara 1
WSC112/1 - Renang	WSC227/1 - Pengurusan Acara 2
WSC113/1 - Senamrobik	WSC128/1 - Petanque
WSC114/1 - Skuasy	WSC130/1 - Orienteering
WSC116/1 - Tennis	WSC131/1 - Woodball
WSC119/1 - Badminton	

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

(iii) Teras Kebudayaan (1 – 6 kredit)

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kursus Berpakej (6 kredit, 3 Sidang Akademik) (Pelajar perlu melengkapkan kesemua peringkat)	
Jazz Band	Seni Silat Cekak Malaysia
WCC108/2	WCC123/2
WCC208/2	WCC223/2
WCC308/2	WCC323/2
Kursus Tidak Berpakej (1 kredit)	
WCC105/1 - Gamelan	WCC117/1 - Teater Moden
WCC107/1 - Gitar	WCC118/1 - Wayang Kulit Melayu
WCC109/1 - Koir	WCC119/1 - Senaman Qigong
WCC115/1 - Tarian Moden	WCC124/1 - Kompang Berlagu
WCC116/1 - Tarian Tradisional	WCC129/1 – Tarian Latin

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

(iv) Teras Daya Usaha dan Inovasi (1 - 2 kredit)

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kursus Tidak Berpakej (1 kredit)	
WCC103/1 - Catan	WCC128/1 - Seni Sulaman Benang & Manik Labuci
WCC110/1 - Kraftangan	WCC130/1 - Seni Fotografi SLR Digital
WCC120/1 - Canting Batik	WCC 131/1 - Seni Suntingan Fotografi Digital
WCC121/1 - Seni Khat	WCC132/1 - Seni Seramik
WCC122/1 - Seni Memasak	WCC133/1 - Seni Decoupage
WCC125/1 - Seni Wau Tradisional	

Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)	
WMU102/2 - Makers@USM Tahap 1	WMU112/2 - Literasi Kecerdasan Buatan

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

(v) **Teras Khidmat Komuniti (4 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kursus Berpakej (4 kredit) (Pelajar perlu melengkapkan kesemua peringkat)	
WKM102/2 - Khidmat Komuniti 1	WKM202/2 - Khidmat Komuniti 2
Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)	
WSK102/2 - Sains Kesukarelawanan	

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

(vi) **Teras Pengucapan Awam (2 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)	
WEC102/2 - Pengucapan Awam dalam Bahasa Melayu	
WEC103E/2 - Public Speaking in English Language	

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

(vii) **Teras Kelestarian (2 kredit)**

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kursus Tidak Berpakej (2 kredit)	
WSU101/2 – Kelestarian Isu, Cabaran dan Prospek	

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

3.3 Opsyen (1 - 8 kredit)

A. Kursus Kokurikulum

Pelajar yang telah mendaftar kursus kokurikulum melebihi dua (2) kredit di bawah keperluan kelompok U4 MPU tidak perlu mengikuti kursus

kokurikulum di bawah kursus Opsyen. Pelajar hanya perlu mendaftar kursus-kursus kemahiran atau kursus Bahasa Asing tertakluk pada keperluan pengijazahan program pengajian masing-masing.

Perincian senarai kursus kokurikulum yang ditawarkan adalah pada bahagian kelompok U4 MPU seperti di atas.

B. Kursus-kursus Kemahiran / Bahasa Asing / Kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain

Pelajar boleh memilih kursus-kursus berikut sebagai kursus opsyen:

(i) WSU 101 (Kelestarian: Isu, Cabaran dan Prospek) (2 kredit)

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

Kursus ini memperkenalkan serta mendedahkan konsep pembangunan lestari kepada pelajar. Kursus ini bertujuan memastikan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka pada masa hadapan tidak terjejas, terutama dalam era globalisasi yang mencabar dan kepesatan kemajuan teknologi maklumat pada masa ini. Model pembangunan lestari serta kajian kes turut dibincangkan.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Rancangan Kokurikulum.

(ii) HTV201 (Teknik Berfikir) (2 kredit)

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

Kursus ini memperkenalkan pelbagai pemikiran kreatif kepada pelajar seperti stail dan alat berfikir yang boleh meluaskan kefahaman tentang kreativiti dan menambah baik kemahiran menyelesaikan masalah. Pelajar dilatih memilih dan mengaplikasikan teknik terbaik untuk menyelesaikan masalah yang spesifik. Jadi kursus ini membantu pelajar untuk belajar berfikir secara efektif supaya dapat membuat keputusan yang paling efektif dalam kehidupan akademik dan sepanjang hayat.

(iii) SHE101 (Hubungan Etnik) (2 kredit)

Sinopsis kursus adalah seperti berikut:

Kursus ini ialah pengantar bagi hubungan etnik di Malaysia. Kursus ini dirancang dengan tiga objektif utama: (1) memperkenalkan pelajar terhadap konsep asas dan praktis permuafakatan sosial di Malaysia, (2) mengukuhkan kefahaman asas terhadap cabaran dan masalah dalam masyarakat berbilang etnik, dan (3) memberikan kefahaman dan kesedaran dalam menangani kerumitan/kekompleksan hubungan etnik di Malaysia. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan berupaya mengenal pasti dan mengaplikasikan kemahiran untuk menganalisis isu-isu yang berkaitan dengan hubungan etnik di Malaysia.

- (iv) **Kursus opsyen/kemahiran lain yang disarankan atau diwajibkan oleh pusat pengajian masing-masing (jika ada)**
- (v) **Kursus Bahasa Inggeris**

Kursus berikut boleh diambil sebagai kursus Universiti untuk memenuhi keperluan bahasa Inggeris yang wajib (bagi Band 5 dan Band 6 dalam MUET) atau sebagai kursus kemahiran/opsyen:

Bil	Kod/Kredit	Tajuk Kursus
1.	LHP451/2	Pembacaan Berkesan
2.	LHP452/2	Penulisan untuk Perniagaan
3.	LHP453/2	Penulisan Kreatif
4.	LHP454/2	Penulisan Akademik
5.	LHP455/2	Kemahiran Sebutan Bahasa Inggeris
6.	LHP456/2	Bahasa Inggeris Lisan
7.	LHP457/4	Penulisan Ucapan dan Berpidato
8.	LHP458/2	Bahasa Inggeris bagi Penterjemahan (Ditawarkan pada Semester II sahaja)
9.	LHP459/2	Bahasa Inggeris bagi Interpretasi (Ditawarkan pada Semester I sahaja)

- (vi) **Kursus Bahasa Asing**

Kursus bahasa asing yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan boleh diambil untuk mencukupkan unit kredit sama ada sebagai opsyen atau elektif untuk pengijazahan. Pelajar tidak dibenarkan mendaftar lebih daripada satu kursus bahasa asing secara serentak dalam satu semester. Pelajar dikehendaki menamatkan dua peringkat bagi kursus bahasa asing yang sedang diambil sebelum dibenarkan

mendaftar kursus bahasa asing yang lain. Walau bagaimanapun, pelajar tidak perlu menamatkan keempat-empat peringkat kursus jika tidak berkeupayaan. Kursus bahasa asing yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Arab	Cina	Jepun	Jerman	Spanyol
LAA100/2	LAC100/2	LAJ100/2	LAG100/2	LAE100/2
LAA200/2	LAC200/2	LAJ200/2	LAG200/2	LAE200/2
LAA300/2	LAC300/2	LAJ300/2	LAG300/2	LAE300/2
LAA400/2	LAC400/2	LAJ400/2	LAG400/2	LAE400/2

Perancis	Thai	Tamil	Korea
LAP100/2	LAS100/2	LAT100/2	LAK100/2
LAP200/2	LAS200/2	LAT200/2	LAK200/2
LAP300/2	LAS300/2	LAT300/2	LAK300/2
LAP400/2	LAS400/2		

4.0 STRUKTUR PROGRAM

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi ialah rancangan ijazah empat tahun yang menggabungkan pengajaran komunikasi secara teori dan amali.

Pelajar perlu mengumpul minimum 135 unit yang terdiri dari kursus teras, minor, elektif dan kursus universiti bagi tujuan pengijazahan. Struktur unit untuk ijazah Sarjana Muda ialah seperti berikut.

Klasifikasi Kursus	Jenis Kod	Unit
Teras (Asas, Sepunya, Pengkhususan)	T	82
Elektif	E	13
Minor	M	20
Kursus Universiti/Opsyen	U	20
Jumlah		135

Klasifikasi Kecil	Unit
Asas (Komunikasi)	9
Sepunya	52
Pengkhususan	21
Jumlah	82

STRUKTUR UNIT PENGAJIAN					
No.	Klasifikasi Kursus	Kursus		Unit	Kod
i	<p>Teras Asas Komunikasi (9 unit) Kursus Teras Asas (Kursus Peringkat 100) bertujuan memperkenalkan Pengajian Komunikasi asas kepada pelajar dan mendedahkan mereka kepada disiplin lain yang berkaitan dengan Pengajian Komunikasi sebelum mereka terus meneroka ilmu bidang ini secara mendalam.</p> <p>Adalah diharapkan pendedahan ini akan memberi pengetahuan dan pemahaman yang lebih baik mengenai Pengajian Komunikasi serta memberi peluang kepada mereka untuk memilih bidang pengkhususan dan minor pada tahun seterusnya.</p>	<p>Kod Kursus</p> <p>YKT 101/3</p> <p>YKT 102/3</p> <p>YKT 104/3</p>	<p>Tajuk Kursus</p> <p>Pengantar Komunikasi Manusia</p> <p>Pengantar Komunikasi Massa</p> <p>Pengantar Pengajian Komunikasi</p>	9	T
ii	<p>Kursus Teras Sepunya (52 Unit) Kursus Teras sepunya adalah diwajibkan kepada semua pelajar ijazah Sarjana Muda Komunikasi. Kursus ini bertujuan membantu pelajar ke arah pemahaman teoretikal yang lebih mendalam dan memahami konsep-konsep yang berkaitan dengan komunikasi dan masyarakat.</p>	<p>YKT106/2</p> <p>YKT107/2</p> <p>YKT108E/2</p> <p>YKT110/2</p> <p>YKT216/3</p> <p>YKT217/2</p> <p>YKT218/3</p> <p>YKT220/3</p> <p>YKT221/3</p> <p>YKT222/3</p> <p>YBP201/3</p> <p>YKT306/3</p> <p>YKT307/3</p> <p>YWP307/3</p> <p>YWP315/3</p> <p>YKT401/3</p> <p>YWP402/3</p> <p>YKT400/6</p>	<p>Penulisan Media Bahasa Inggeris</p> <p>Asas Penerbitan Desktop</p> <p>Komunikasi Visual</p> <p>Penulisan Berita I</p> <p>Komunikasi dan Masyarakat</p> <p>Penerbitan Video Digital</p> <p>Teori Komunikasi I</p> <p>Teori Komunikasi II</p> <p>Undang-Undang dan Etika Media</p> <p>Kajian Budaya</p> <p>Komunikasi Untuk Pembangunan Lestari</p> <p>Kaedah Penyelidikan Komunikasi</p> <p>Latihan Ilmiah I</p> <p>Ekonomi Politik Media</p> <p>Media dan Gender</p> <p>Latihan Ilmiah II</p> <p>Komunikasi Antarabangsa</p> <p>Latihan Amali</p>	52	T

No.	Klafikasi Kursus	KURSUS			Unit	Kod
iii	<p>Teras Pengkhususan (21 Unit)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kewartawanan • Komunikasi Pemujukan • Filem dan Penyiaran 	<p>Kewartawanan (Wajib semua)</p> <p>YWP223/3 – Penulisan Rencana</p> <p>YWP201E/3 – Kewartawanan Foto</p> <p>YWP202/3 – Penulisan Berita II</p> <p>YWP313E/3 – Penerbitan Akhbar I</p> <p>YWP314/3 – Pengurusan dan Penerbitan Majalah</p> <p>YWP408E/3 – Penerbitan Akhbar II</p> <p>YWP409E/3 – Pengurusan Akhbar</p>	<p>Komunikasi Pemujukan (Wajib Semua)</p> <p>YBP203/3 – Teori Pemujukan</p> <p>YBP300/3 – Komunikasi Pemasaran Bersepadu</p> <p>YBP224/3 – Perhubungan Awam</p> <p>YBP221E/3 – Perancangan Dan Penilaian Kempen Komunikasi</p> <p>YBP223/3 – Periklanan</p> <p>YBP326/3 – Komunikasi Korporat</p> <p>YBP408E/3 – Projek Tahun Akhir Komunikasi Pemujukan</p>	<p>Filem dan Penyiaran (Wajib – 12 unit)</p> <p>YFP201E/3 – Penerbitan Radio</p> <p>YFP202/3 – Penulisan Skrin</p> <p>YFP300/3 – Suntungan Video dan Kesan Khas</p> <p>YFP405E/3 – Projek Penerbitan Filem & Penyiaran</p> <p>1. Pengkhususan Televisyen (9 Unit)</p> <p>YFP223E/3 – Penerbitan Televisyen I</p> <p>YFP323/3 – Penerbitan Televisyen II</p> <p>YFP321/3 – Kajian Televisyen</p> <p>2. Pengkhususan Filem (9 Unit)</p> <p>YFP207/3 – Sinematografi</p> <p>YFP322/3 – Penerbitan Filem</p> <p>YFP324/3 – Kajian Sinema</p>	21	T
JUMLAH UNIT TERAS					82	

iv	<p>Kursus Minor (20 Unit) Setiap pelajar perlu mengumpul 20 unit di luar rancangan ijazah sendiri sebagai memenuhi keperluan minor. Berikut adalah di antara cadangan pakej minor yang boleh diambil oleh pelajar.</p> <p>P.P. Pengurusan * Pengurusan</p> <p>P.P. Ilmu Kemanusiaan * Kesusasteraan Inggeris * Bahasa Inggeris * Bahasa Malaysia * Geografi * Kesusasteraan Melayu * Pengajian Islam * Sejarah</p> <p>Pusat Bahasa & Terjemahan * Bahasa Inggeris Untuk Profesional * Bahasa Jepun * Bahasa Cina * Bahasa Arab Komunikasi</p>	<p>P. P. Sains Kemasyarakatan * Hubungan Antarabangsa * Antropologi dan Sosiologi * Psikologi * Dasar & Pentadbiran Awam * Ekonomi * Sains Politik * Kajian Asia Tenggara</p> <p>P.P. Seni * Seni Halus * Grafik Komunikasi * Lakonan * Pengarahan * Seni Persembahan dan Pedagogi * Teknologi Muzik</p>	20	M
v	<p>Kursus Elektif (13 unit) Pelajar diwajibkan mengambil kursus elektif yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Komunikasi seperti yang disenaraikan di sebelah.</p>	<p>YKT105/2 – Penulisan Media Bahasa Melayu YWP308/3 – Kewartawanan Penyiaran YWP309/3 – Kewartawanan Ekonomi YWP310/3 – Kewartawanan Penyiasatan YWP311/3 – Pemberitaan Antarabangsa YWP405/3 – Kewartawanan Media Baru YFP307/3 – Arahan dan Lakonan Skrin YFP407/3 – Apresiasi dan Kritikan Skrin YBP226/3 – Penulisan Promosi YBP325E/3 – Penerbitan Komunikasi Kreatif YBP327/3 – Pengurusan Media YBP307E/3 – Publisiti, Media dan Kaedah</p>	13	E
vi	<p>Kursus Universiti/Opsyen (20 unit) Setiap pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi diwajibkan memenuhi 20 unit kursus Universiti.</p>	<p>Kursus WAJIB</p> <ol style="list-style-type: none"> LKM400 (2 unit): Bahasa Malaysia (untuk pelajar tempatan sahaja). LKM 200 (2 unit): Bahasa Malaysia (untuk pelajar antarabangsa sahaja) Kursus Bahasa Inggeris (4 unit) HFF225 (2 unit): Falsafah dan Isu Semasa HFE224 (2 unit): Penghayatan Etika dan Peradaban (untuk pelajar tempatan sahaja) WUS101 (2 unit): Teras Kesusahawanan (pelajar tempatan sahaja) SEA205E (4 unit): Kajian Malaysia (untuk pelajar antarabangsa sahaja) Ko-Kurikulum: Pelajar diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya 2 unit. <p><i>Nota: Pelajar dikehendaki mendapat sekurang-kurangnya gred C untuk kursus-kursus ini.</i></p>	20	U

		<p>Kursus PILIHAN/OPSYEN</p> <p>1. Ko-Kurikulum</p> <p>2. Kursus Kemahiran/Analisis Pelajar-pelajar digalakkan mengambil 2 unit. Pelajar boleh memilih untuk mendaftar kursus seperti: WSU101/2 – Kelestarian: Isu, Cabaran dan Prospek atau HTV201/2 – Kemahiran Berfikir atau SHE101/2 – Hubungan Etnik</p> <p>3. Kursus Bahasa Asing</p> <p>4. Mana-mana kursus diluar Pusat Pengajian</p>		
	Jumlah Unit Minor + Elektif + Universiti / Opsyen		53	
	JUMLAH		135	

5.0 SENARAI PENAWARAN KURSUS 2021/2022

i) Kursus Teras

Semester I	Semester II
Tahun 1	
YKT101 - Pengantar Komunikasi Manusia YKT104 - Pengantar Pengajian Komunikasi YKT107- Asas Penerbitan Desktop	YKT102 - Pengantar Komunikasi Massa YKT106 - Penulisan Media Bahasa Inggeris YKT108E- Komunikasi Visual YKT110 - Penulisan Berita I
Tahun 2	
YKT216 – Komunikasi Dan Masyarakat YKT217 – Penerbitan Video Digital YKT218 – Teori Komunikasi I YKT222 – Kajian Budaya Kewartawanan YWP223 – Penulisan Rencana YWP201E – Kewartawanan Foto Komunikasi Pemujukan YBP203 – Teori Pemujukan YBP224 – Perhubungan Awam Filem & Penyiaran YFP201E – Penerbitan Radio YFP202 – Penulisan Skrin	YKT220 – Teori Komunikasi II YKT221 – Undang-Undang Dan Etika Media YBP201 – Komunikasi Untuk Pembangunan Lestari Kewartawanan YWP202 – Penulisan Berita II Komunikasi Pemujukan YBP221E – Perancangan Dan Penilaian Kempen Komunikasi YBP223 – Periklanan Filem & Penyiaran YFP207 – Sinematografi YFP223E – Penerbitan Televisyen I
Tahun 3	
YKT306 – Kaedah Penyelidikan Komunikasi YWP315 – Media & Gender Kewartawanan YWP313E – Penerbitan Akhbar I Komunikasi Pemujukan YBP326 – Komunikasi Korporat Filem & Penyiaran YFP322 – Penerbitan Filem YFP323 – Penerbitan Televisyen II	YWP307 – Ekonomi Politik Media YKT307 – Latihan Ilmiah I Kewartawanan YWP408E – Penerbitan Akhbar II Komunikasi Pemujukan YBP300 – Komunikasi Pemasaran Bersepadu Filem & Penyiaran YFP321 – Kajian Televisyen YFP324 – Kajian Sinema YFP300 – Suntungan Video Dan Kesan Khas
Tahun 4	
YKT401 – Latihan Ilmiah II YWP402 – Komunikasi Antarabangsa Kewartawanan YWP314 – Pengurusan Dan Penerbitan Majalah YWP409E – Pengurusan Akhbar Komunikasi Pemujukan YBP408E – Projek Tahun Akhir Komunikasi Pemujukan Filem & Penyiaran YFP405E – Projek Penerbitan Filem & Penyiaran	YKT400 – Latihan Amali

ii) Kursus Elektif

Semester I	Semester II
YKT105 – Penulisan Media Bahasa Melayu YWP308 – Kewartawanan Penyiaran YWP309 – Kewartawanan Ekonomi YBP325E – Penerbitan Komunikasi Kreatif YBP327 – Pengurusan Media YFP407 – Apresiasi dan Kritikan Skrin	YBP226 – Penulisan Promosi YWP310 – Kewartawanan Penyiasatan YWP311 – Pemberitaan Antarabangsa YBP307E – Publisiti, Media & Kaedah YFP307 – Arahan dan Lakonan Skrin YWP405 – Kewartawanan Media Baru

6.0 MAKLUMAT AM PROGRAM (Pusat Pengajian Komunikasi)

(i) Anugerah Dekan

Anugerah Sijil Dekan akan diberi kepada pelajar yang mendapat PNG 3.5 ke atas pada setiap semester dengan beban unit minimum 14 unit.

(ii) Persatuan Komunikasi (PERKOM), USM

Persatuan Komunikasi (PERKOM), Universiti Sains Malaysia ditubuhkan sebagai wadah untuk para pelajar Pusat Pengajian Komunikasi menjalankan pelbagai aktiviti (bukan akademik dan akademik). Semua pelajar Pusat Pengajian Komunikasi adalah ahli persatuan ini. PERKOM menjadi badan perantara di antara pihak pengurusan pentadbiran dan pelajar. Antara aktiviti PERKOM ialah menganjurkan majlis suai kenal pensyarah - pelajar, mengatur lawatan sambil belajar dan menyelaras aktiviti pelajar dan perhubungan dengan institusi pengajian tinggi lain di dalam dan di luar negara.

(iii) Jawatankuasa Pensyarah-Pelajar

Jawatankuasa Pensyarah-Pelajar di Pusat Pengajian Komunikasi ditubuhkan untuk mengeratkan hubungan di antara pensyarah dan pelajar. Jawatankuasa ini terdiri dari Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya dan Antarabangsa), Pengerusi Rancangan (Prasiswazah), wakil pensyarah dan ahli Jawatankuasa PERKOM serta wakil pelajar. Jawatankuasa ini bertindak sebagai mekanisme maklumbalas dari para pelajar dalam semua hal pusat pengajian - dari hal akademik, pengajaran dan pembelajaran, kemudahan yang disediakan hinggalah hal-hal hubungan pelajar dengan pelbagai bahagian universiti.